

SIRI MENJELAJAH ALKITAB

PERJANJIAN LAMA KITAB DEMI KITAB

NARATIF AGUNG YANG MENGUNGKAPKAN
KARYA PENYELAMATAN, TUJUAN
PENCIPTAAN DAN KEBIJAKSANAAN ALLAH



WAWASAN
PENABUR

Siri Menjelajah Alkitab

Perjanjian Lama: Kitab Demi Kitab

Penulis : David Barratt, Mike Beaumont, Pieter Lalleman, Richard Littleedale, Debra Reid, Andrew Stobart, Derek Williams.
Penterjemah : Jaqueline Jose
Penyunting : Martin H. Manser, Randy Singkee
Reka Letak : Randy Singkee
Kulit buku : Chiang Juat Chin

Buku ini diterbitkan berdasarkan lesen dari Creative 4 International, eksklusif untuk Wawasan Penabur Sdn Bhd.

Edisi Bahasa Inggeris, *The Bible Book by Book*, © 2009 oleh Creative 4 International, Bath, England. Terjemahan Bahasa Malaysia © 2021 oleh Wawasan Penabur Sdn Bhd.

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari: Alkitab Versi Borneo © 2016, Borneo Sabda Limited

Cetakan Pertama: Januari 2021

Diterbitkan oleh:
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya
46787 Petaling Jaya, Selangor
wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Daftar Isi

1	Pengenalan
4	Kalendar Tahunan
5	Perayaan dan Pesta
7	Korban
9	Timbangan dan Sukatan
10	Wang dan Nilai
12	Dunia Pada Zaman Perjanjian Lama
	Pentateukh (Hukum Musa/ Torah)
14	Kejadian
18	Keluaran
23	Imamat
27	Bilangan
31	Ulangan
	Sejarah Perjanjian Lama
36	Yosua
40	Hakim-Hakim
45	Rut
49	1 Samuel
54	2 Samuel
58	1 Raja-Raja
62	2 Raja-Raja
66	1 Tawarikh
70	2 Tawarikh
75	Ezra
78	Nehemia
83	Ester
	Hikmat dan Sastera
87	Ayub
91	Mazmur
100	Amsal
104	Pengkhutbah
108	Kidung Agung

Nabi-Nabi

112	Yesaya
119	Yeremia
127	Ratapan
130	Yehezkiel
134	Daniel
138	Hosea
141	Yoel
144	Amos
148	Obaja
151	Yunus
155	Mikha
159	Nahum
162	Habakuk
166	Zefanya
170	Hagai
173	Zakharia
177	Maleakhi

Pengenalan

Surat cinta dari Allah mungkin bukan perkara pertama yang difikirkan oleh kebanyakan orang ketika mereka mempertimbangkan Alkitab. Mereka biasanya melihatnya sebagai buku peraturan, serangkaian panduan moral, atau sejarah kuno – semuanya sangat berbeza dengan surat cinta. Tetapi surat cinta mungkin merupakan gambaran terbaik untuk Alkitab. Ini adalah kisah tentang apa yang salah dengan kemanusiaan, bagaimana Allah mengambil langkah untuk mengatasi kekacauan, dan bagaimana, pada akhirnya menjadi baik-baik saja, kerana kasih Allah kepada umat manusia.


Istilah ‘Bible’ berasal daripada perkataan Yunani ‘*biblion*’ yang bererti ‘kitab/buku’. Oleh yang demikian, Bible/Alkitab ialah satu pustaka yang terdiri daripada 66 buah kitab/buku. Ia merupakan hasil tulisan lebih kurang 40 orang pengarang yang datang daripada pelbagai lapisan masyarakat dan latar budaya dalam jangka masa 1,500 tahun. Tetapi kitab yang bagaimanakah Alkitab ini? Perkataan yang pertama dalam Alkitab adalah: “Pada mulanya Allah...” Jadi, ia adalah sumber utama bagi orang Kristian untuk mengenal Allah Sang Pencipta. Alkitab memiliki satu tema umum secara berterusan, iaitu rancangan penebusan manusia oleh Allah. Semua asas kepercayaan Kristian terdapat di dalam Alkitab.



Dead Sea Scroll (Skrol Laut Mati) yang ditemui di gua Qumran antara 1946-1956. Sebahagian daripada Gulungan Kitab Yesaya (1QIsa) mengandungi hampir keseluruhan Kitab Yesaya.

Bagaimana Alkitab Disatukan

Alkitab bukan hanya satu buku, tetapi koleksi 66 buah buku atau kitab, menjadikannya sedikit seperti teka-teki jigsaw; dan seperti kebanyakan jigsaw, setelah anda melihat seluruh gambar itu dan tahu apa yang anda cari, ia jauh lebih mudah untuk difahami.



Alkitab: Firman yang Diilhamkan Allah

Orang Kristian melihat Alkitab berbeza dari buku-buku lain (termasuk buku-buku agama). Alkitab merupakan Firman Allah yang tertulis. Sumbernya ialah Allah Sendiri. Allah Roh Kudus mengilhami Kitab-kitab Suci. Istilah yang digunakan di dalam 2 Timotius 3:16 ialah “diilhami oleh Allah.” Allah “menghembuskan” firman-Nya kepada manusia yang dipilih-Nya sebagai alat-Nya sehingga mereka diilhami untuk menulis apa yang telah diberi kepada mereka.

Kitab-kitab Suci tidak ditulis secara mekanikal ataupun ditentukan oleh arahan. Allah tidak akan sewenang-wenangnya mengambil alih fikiran dan tangan seorang pengarang untuk menulis. Ia juga bukan coretan seorang juru tulis yang mana pengarangnya sekadar menyalin apa yang dikatakan oleh Allah. Sebaliknya, pengarang menulis dengan penuh hemat tetapi Tuhan telah menyediakan mereka dengan latar belakang, kebudayaan, pendidikan dan pengalaman supaya mereka boleh memilih dan menulis perkataan yang betul. Pengarang mungkin tidak menyedari bahawa tulisan mereka akan menjadi sebahagian daripada Kitab Suci. Akan tetapi mereka tahu bahawa apa yang mereka katakan berasal daripada Allah. Oleh itu, hasil tulisan mereka adalah benar dan tepat.

Perjanjian Lama yang kita gunakan hari ini sebenarnya adalah berdasarkan Kitab Suci bahasa Ibrani yang digunakan oleh Tuhan Yesus semasa pelayanan-Nya di bumi. Ia kadang-kadang dipanggil sebagai Kitab Suci Ibrani untuk mengelakkan konotasi kaitan dengan perkataan 'lama' yang membayangkan perkara kuno serta isi kandungan yang sudah tidak relevan. Perkataan 'Perjanjian' itu adalah merujuk kepada 'perjanjian Allah' (dalam bahasa Inggeris, *covenant*).

Teks Perjanjian Lama adalah rekod urusan Allah dengan manusia sebelum kedatangan Yesus Kristus yang membawa perjanjian baru berasaskan kasih kurnia. 39 buku yang membentuk Perjanjian Lama ialah buku-buku sejarah, hukum, sastera, kata-kata hikmat dan nubuatan. Orang Yahudi membahagikan Perjanjian Lama ke dalam Taurat/Hukum, Sejarah, Sastera dan Nabi-nabi. Ada di antara kitab-kitab itu adalah gabungan daripada beberapa jenis kesusasteraan yang berbeza.

Sebelum Anda Bermula


Bagi orang Kristian, perkara yang menakjubkan adalah bahawa Alkitab bukan sahaja menceritakan kepada pembaca tetapi juga mengundang mereka untuk menjadi sebahagian daripadanya. Halaman berikut dalam buku ini memberikan ringkasan setiap kitab dalam Alkitab. Tujuan kami adalah untuk memperkenalkan pengajaran utama dan penerapan praktikal Alkitab dengan cara yang mudah dibaca dan diakses.

Setiap garis besar mempunyai ciri-ciri berikut:

- Latar belakang yang memberi gambaran keseluruhan, ringkasan dan konteks kitab
- Garis besar mengenai struktur kitab
- Tema utama yang menunjukkan beberapa penekanan penting dalam kitab tersebut
- Kaitannya untuk hari ini: menunjukkan bagaimana mesej-mesej dalam kitab dapat diaplikasikan dalam kehidupan kita sendiri

Kalendar Tahunan

Kalendar Yahudi, seperti dalam semua peradaban awal, adalah berdasarkan kitaran pertanian dan fasa bulan. Upacara dan perayaan keagamaan dikaitkan dengan tahun petani dan memperingati peristiwa-peristiwa besar dalam sejarah orang Yahudi. Bagi memastikan kalendar bulan (lunar) selaras dengan tahun matahari (solar), satu bulan tambahan (Adar Kedua) ditambahkan setiap tiga tahun.



Tuaian pada lewat musim panas: anggur dan buah ara ranum



Tuaian musim bunga: buah lemon



Buah zaitun yang sedang ranum

Perayaan dan Pesta

Memperingati perayaan dan merayakan hari perayaan adalah bahagian penting dalam agama Ibrani. Mereka dipandang sebagai hadiah dari TUHAN, mengatur kehidupan masyarakat sebagai umat Allah, dan telah menyimpan ingatan tentang interaksi Allah dengan umat-Nya sepanjang sejarah mereka, terutama dari segi pembebasan-Nya yang ajaib atau penyediaan hariannya untuk keperluan fizikal dan rohani mereka.

	Masa	Penerangan	Sebab	Rujukan Alkitab
Hari Sabat	Hari ke-7 setiap minggu	Hari untuk istirehat, tidak ada pekerjaan	Rehat untuk umat dan ternakan	Keluaran 20:8-11
Tahun Sabat	Setiap 7 tahun	Tahun rehat, tanah dibiarkan kosong	Rehat untuk tanah, bantuan untuk orang miskin, hutang dibatalkan	Keluaran 23:10-11 Ulangan 15:1-6
Tahun Jubli	Setiap 50 tahun	Hutang dibatalkan, para hamba dibebaskan, tanah dikembalikan kepada para pemiliknya yang sah	Bantuan untuk orang miskin, kestabilan sosial, rehat untuk tanah	Imamat 25:8-55
Perayaan Paskah	14 Nisan (bulan ke-1)	Menyembelih dan memakan anak domba dengan ramuan pahit dan roti tanpa ragi di setiap rumah tangga	Untuk mengingati penyelamatan anak-anak sulung bangsa Israel dan pembebasan dari Mesir	Ulangan 16:1-7
Perayaan Roti Tidak Beragi	15-21 Nisan (bulan ke-1)	Makan roti tanpa ragi, perhimpunan, persembahan korban	Untuk mengingati bagaimana bangsa Israel keluar dari Mesir dengan tergesa-gesa	Keluaran 12:15-20; 13:3-10; 23:15
Perayaan Hasil Tuaian Sulung	16 Nisan (bulan ke-1)	Mempersembahkan ikatan tuaian barli pertama, satu korban bakaran dan satu persembahan makanan	Untuk mengingati penjagaan Allah	Imamat 23:9-14
Perayaan Tujuh Minggu (Pentakosta/Penuaian)	6 Sivan (bulan ke-3)	Masa Kegembiraan. Persembahan bebas dan wajib, termasuk hasil tuaian gandum pertama	Untuk bersyukur atas berkat Allah dalam menuai	Keluaran 23:16

	Masa	Penerangan	Sebab	Rujukan Alkitab
Perayaan Peniupan Nafiri (Rosh Hashanah/ Tahun Baru)	1 Tishri (bulan ke-7)	Perhimpunan Jemaah pada hari rehat, ditandai dengan meniupan nafiri dan persembahan korban bakaran	Untuk mempersembahkan seluruh Israel sebagai satu umat di hadapan TUHAN	Imamat 23:23-25
Perayaan Hari Pendamaian (Yom Kippur)	10 Tishri (bulan ke-7)	Hari rehat, puasa, korban penebusan bagi para imam dan umat	Untuk menyucikan umat dan para imam dari dosa mereka dan untuk menyucikan Tempat Suci	Imamat 16; 23:26-32
Perayaan Pondok Daun (Tabernakel/ Sukkot)	15-21 Tishri (bulan ke-7)	Minggu perayaan untuk penuaian, membina dan tinggal di pondok-pondok sementara di luar, mempersembahkan korban	Untuk mengingati perjalanan ke Tanah Perjanjian dan untuk mengucap syukur atas kurniaan Kanaan	Ulangan 16:13-15 Imamat 23:33-44
Perhimpunan Suci Jemaah	22 Tishri (bulan ke-7)	Hari berkumpul bersama, berehat dan mempersembahkan korban	Untuk menutup kitaran perayaan	Imamat 23:36; Bilangan 29:35-38
Hanukkah (Perayaan Pentahbisan/ Pesta Cahaya)	25 Kislev (bulan ke-9)	Perayaan keluarga menyalakan lilin di menorah bercabang 9	Untuk merayakan penyucian semula Bait Suci dan mezbah oleh orang Makabe	Rujuk Yohanes 10:22
Purim	14,15 Adar (bulan ke-12)	Hari kebahagiaan, berpesta dan pemberian hadiah	Untuk mengingati pemeliharaan orang Yahudi di bawah pemerintahan Parsi pada zaman Ratu Ester	Ester 9:18-32
Hari pertama setiap bulan ditetapkan sebagai bulan baru, dan disambut dengan bunyi sangkakala dan perayaan				Bilangan 10:10; 1 Samuel 20:5



Mengumpul ikatan tuaian barli pertama untuk Perayaan Hasil Tuaian Sulung.



Persiapan pondok-pondok sementara di luar rumah untuk Perayaan Pondok Daun (Sukkot).



Menorah bercabang 9 untuk Hanukkah.

Korban

Korban dan Persembahan dalam Perjanjian Lama

Korban dan persembahan adalah asas dalam cara hidup orang Yahudi. Peraturan-peraturan korban telah diberikan sendiri oleh Allah kepada Musa, dengan ketentuan untuk semua aspek kehidupan. Setiap korban harus dilaksanakan mengikut cara tertentu seperti yang dinyatakan dalam Imamat 1-7. Tetapi korban tahunan bagi Hari Penebusan/Pendamaian (16:1-34) mengingatkan kita bahawa tiada satu pun daripada korban-korban ini yang dapat menebus dosa (hanya untuk dosa yang tidak disengajakan; tiada korban untuk dosa yang disengajakan). Perjanjian Baru melihat ini sebagai persediaan pengorbanan Kristus, yang hanya melaluinya sahaja yang dapat menghapuskan semua dosa (Ibrani 9:1-10:14).

Amalan dan kepatuhan upacara orang Israel berbeza dengan bangsa-bangsa di sekitar mereka kerana:


- Yahudi percaya kepada Allah yang esa;
- Mereka harus menjalani kehidupan kudus dengan mentaati hukum-hukum Allah dan saling menghormati sesama manusia;
- Pertaubatan dan penebusan adalah perlu kerana dosa mewujudkan jurang pemisahan antara Allah dan manusia;
- Amalan ghaib dan sihir adalah dilarang;
- Tiada pengorbanan manusia, penyimpangan seksual atau aktiviti kegila-gilaan.

Korban dan Persembahan dalam Perjanjian Baru

Semua penulis dalam Perjanjian Lama menekankan pentingnya kematian Yesus sebagai menggantikan korban-korban dalam Perjanjian Lama. Sebagai imam tinggi Allah yang sempurna, Yesus Kristus sendiri telah menjadi korban yang sempurna – satu persembahan untuk dosa, yang sah sepanjang masa. Dosa manusia telah ditebus untuk sekali dan selamanya. Sistem yang sebelumnya tidak dapat melakukan ini. Pengorbanan-Nya telah membuka jalan untuk manusia datang kepada Allah, sehingga korban seterusnya tidak diperlukan lagi.



Pada zaman Yesus, domba dari ladang gembala di Betlehem digunakan untuk upacara korban di Bait Suci di Yerusalem.



Hukum Allah juga bersimpati dengan situasi orang, sehingga persembahan disesuaikan mengikut kemampuan si pemberi. Korban penghapus dosa bagi orang miskin boleh berupa seekor burung merpati atau tekukur.

	Penerangan	Tujuan	Rujukan Alkitab
Persembahan korban bakaran	Lembu, kambing atau domba jantan yang tiada cacat cela; atau burung tekukur atau burung merpati bagi orang miskin (Satu-satunya persembahan di mana kesemua bahagian haiwan dibakar).	Satu persembahan sukarela, penebusan dosa yang tidak disengajakan, tanda ketaatan dan dedikasi kepada Allah	Imamat 1; 6:8-13
Persembahan bahan makanan	Bijirin, tepung terbaik, minyak zaitun, kemenyan, roti panggang, garam, sering dipersembahkan bersama korban bakaran dan kedamaian.	Satu tindakan ibadat sukarela bagi mengakui kebaikan dan penyediaan Allah	Imamat 2; 6: 14-18
Persembahan korban kedamaian atau persekutuan	Seekor haiwan (jantan ataupun betina) daripada kawanan yang tiada cacat cela.	Satu tindakan ibadat sukarela untuk membangun kembali persekutuan dengan Allah atau orang lain, atau sebagai persembahan kesyukuran. Diiringi dengan makan bersama.	Imamat 3; 7:11-36
Persembahan korban penghapus dosa	Sama ada seekor lembu jantan muda (untuk imam besar dan umatnya); seekor kambing jantan (untuk pemimpin); kambing atau domba betina (untuk orang biasa); seekor burung tekukur atau burung merpati (untuk orang miskin); sepersepuluh efa tepung terbaik (bagi orang yang tidak mampu).	Satu syarat untuk mendapatkan pengampunan bagi dosa yang tidak disengajakan, harus diiringi dengan pengakuan dosa; dan untuk membersihkan diri dari apa-apa yang najis.	Imamat 4:1-5:13; 6:24-30
Korban penebus kesalahan atau ganti rugi	Seekor kambing atau domba jantan	Satu syarat untuk penebusan dosa yang tidak diinginkan yang memerlukan pemulihan: harus diiringi pendamaian dengan orang bersalah dan membayar denda.	Imamat 5:14-6:7; 7:1-10
Hari Penebusan	Setahun sekali, pada hari ke-10 Etanim, imam besar dibenarkan untuk masuk ke dalam Tempat Suci, di mana Tabut Perjanjian berada. Dia harus mendapatkan pengampunan dan penyucian dosanya sendiri, kemudian mempersembahkan dosa-dosa bangsa. Seekor lembu dan kambing akan dipersembahkan, sementara seekor kambing lain yang padanya diakui dosa-dosa bangsa akan dilepaskan di gurun.		Imamat 16; Ibrani 9-10

Timbangan dan Sukatan

Kebanyakan urusan niaga pada zaman dahulu dijalankan secara pertukaran barang. Untuk pembayaran dengan perak, timbangan dan pemberat akan digunakan. Ini harus diselaraskan, walaupun sistem ini sentiasa disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Banyak pemberat dijadikan dalam pelbagai bentuk dan ditandakan.

Sukatan digunakan untuk penjualan dan penyimpanan hasil pertanian dan cecair. Penyukat biji-bijian yang adil dan penuh dikatakan “melimpah-ruah”. Semua timbangan dan sukatan di jadual berikut adalah anggaran sahaja.

Ukuran Panjang

jari		1.85 cm	Yeremia 52:21
telapak tangan	4 jari	7.4 cm	Keluaran 25:25
jengkal	3 telapak tangan	22.25 cm	Keluaran 28:16
hasta	2 jengkal	44.5 / 51.8 cm	Yehezkiel 40:5
depa		1.83 m	KPR 27:28
tongkat	6 hasta	3.1 m	Yehezkiel 40:5

Sukatan Cecair

log		0.31 liter	Imamat 14:10
kab	4 log = 1 kab	1.2 liter	2 Raja-Raja 6:25
hin	3 kab = 1 hin	3.7 liter	Bilangan 15:4
bat / efa	6 hin = 1 bat / efa	22 liter	Yesaya 5:10
homer / kor	10 bat = 1 kor	220 liter	Yehezkiel 45:11

Sukatan Kering

kab	1/18 efa	1.2 liter	2 Raja-Raja 6:25
omer	1/10 efa	2.2 liter	Keluaran 16:36
sukat	1/3 efa	7.3 liter	2 Raja-Raja 7:1
efa		22 liter	Imamat 14:10
homer / kor	10 efa	220 liter	Yehezkiel 45:11



Bekas air, Mesir Kuno.



Amfora yang ditemui di Athens, berusia sekitar 500 SM.



Batu basalt berbentuk itik dari Mesopotamia, sekitar 1000 SM. Sebahagian daripada set standard pemberat.



Pemberat singa gangsa dari Nimrud, Asyur, dipahat dengan nama raja

Wang dan Nilai

Pada sekitar tahun ke-7 SM, pertukaran barang secara beransur-ansur memberi laluan kepada pertukaran logam berharga mengikut berat, yang tidak lama kemudian menjadi wang syiling yang mewakili berat dan nilai. Tiada tetapan yang selaras dan nilainya berbeza-beza mengikut masa, tempat dan kejujuran peribadi. Perdagangan antarabangsa telah membawa satu tahap pemahaman nilai-nilai melintasi budaya. Sesetengah wang syiling tertera tanda atau meterai orang besar setempat.

Nilai Mata Wang Dalam Perjanjian Lama

(Diukur mengikut berat yang akhirnya berkaitan dengan nilai)

Ukuran Berat

gera	0.57g		Yehezkiel 45:12
beka	5.7g	10 gera = 1 beka	Keluaran 38:26
syikal	11.4g	2 beka = 1 syikal	Keluaran 30:23
mina	570g	50 syikal = 1 mina	Ezra 2:69
talenta	34kg	60 mina = 1 talenta	Ezra 8:26

Terdapat standard perak dan standard emas untuk orang kaya.

Nilai Mata Wang Israel Dalam Perjanjian Baru

(Anggaran perbandingan nilai mata wang)

Romawi	Yunani	Yahudi
		Peser (wang tembaga)
Quadran (duit)		= 2 peser
As (syiling)		= 4 peser
4 as (= 1 sestertius)		
Dinar (= 16 as)	Drakhma	
2 dinar	Didrachma (2 drakhma)	Setengah syikal
4 dinar	Tetradrachma	Syikal
Aureus (emas)	25 drakhma	
100 dinar	Mina*	= 30 syikal
240 aureus	Talenta* (60 mina)	

*Jumlah wang, bukan syiling

Wang diperbuat daripada gangsa, tembaga, perak dan emas.

Peser adalah wang persembahan janda: Matius 12:42

Satu as bersamaan dengan dua ekor burung pipit: Matius 10:29

Satu dinar adalah upah sehari bekerja: Matius 20:9-10

Setengah syikal adalah cukai Bait Suci: Matius 17:24



Syikal perak Darius 1, Persia, sekitar 500 SM.



Quadran tembaga Rom, sekitar 230 SM.



Dinari legion Marc Antony, 32 SM.



Setengah syikal Yahudi.

Pada zaman Perjanjian Baru, standard Romawi mulai berkuat kuasa meskipun para penukar wang di Israel rancak melakukan perniagaan kerana peredaran mata wang Romawi, Yunani dan tempatan. Terdapat tiga jenis mata wang yang digunakan di Palestina pada zaman itu. Duit rasmi yang digunakan di seluruh empayar Roma; duit Yunani yang dikeluarkan di Antiokha dan Tire dan duit tempatan Yahudi yang dikeluarkan di Kaisarea. Oleh itu, para penukar wang mempunyai perniagaan yang sangat lumayan. Wang digunakan dalam bentuk syiling emas, perak, tembaga, gangsa, ataupun loyang.

1. Wang Yahudi

- Lepton – adalah matawang terkecil Yahudi. Ia diperbuat daripada gangsa. Dua Lepton bersamaan dengan satu quadran Roma (mata wang terkecil Roma). Ia bernilai kurang dari satu sen. (Rujuk Lukas 12:59, 21:2).
- Syikal – setiap lelaki Yahudi yang berumur 20 tahun ke atas dimestikan untuk membayar setengah syikal sebagai persembahan kepada TUHAN. Pada zaman Perjanjian Baru, ia dibayar sebagai cukai kepada Bait Suci. Cukai tersebut bernilai dua drakhma (wang Yunani), satu syikal bersamaan dengan empat drachma (Rujuk Mat 17:24).

2. Wang Romawi

Terdapat tiga jenis syiling Roma yang disebut di dalam Perjanjian Baru:

- Quadran – ini adalah syiling terkecil Roma, diperbuat daripada gangsa dan mempunyai nilai satu sen. Empat quadran bersamaan dengan satu as.
- As – 16 as bersamaan dengan satu dinar. (Rujuk Lukas 12:6).
- Dinar/denarius – wang perak ini adalah syiling paling lazim digunakan pada zaman tersebut. Ia adalah gaji harian seorang buruh. Permukaan syiling tersebut diukirkan dengan wajah Kaisar Roma. (Rujuk Lukas 7:41, 10:35, 20:24).

3. Wang Yunani

- Drakhma – syiling perak Yunani ini bersamaan dengan satu Denarius Roma. Satu Denarius adalah gaji harian seorang pekerja buruh (Rujuk Lukas 15:8).
- Mina – syiling emas ini bernilai lebih kurang 100 Drakhma dan juga Denarius. Ia bersamaan dengan gaji untuk 3-4 bulan. Rujuk 19:13.



Peser tembaga Yahudi
("wang persembahan janda")




Tetradrahma dari Antiokhia, Syria, menunjukkan ukiran Nero sekitar 68 M dan Claudius sekitar 52 M.




Syikal Tirus berwarna perak, bernilai 4 dinar. Koin itu merupakan perdagangan yang menguntungkan bagi para penukar wang di Bait Suci. Yudas mengkhianati Yesus dengan harga 30 keping syikal ini.

Dunia Pada Zaman Perjanjian Lama



Dengan adanya jatuh bangun kuasa dominan sesebuah negara, nama setempat dan kawasan juga berubah. Peta menunjukkan nama tempat-tempat terpilih bagi membantu mengenali pelbagai peristiwa alkitabiah.







Kejadian

Permulaan Besar

GAMBARAN KESELURUHAN

Kejadian mengungkapkan bagaimana segala sesuatu bermula dan apa yang salah dengannya. Masalahnya bermula apabila manusia membuat pilihan yang salah, merosakkan dunia yang sempurna, tetapi Allah yang penyayang mempunyai rancangan untuk membawa manusia kembali kepada-Nya dan memulihkan ciptaan-Nya.

RINGKASAN

Kejadian (“asal-usul” atau “permulaan”) adalah sebuah kisah permulaan. Sebahagian besar tema utama Alkitab pertama kali ditemui di sini.

Permulaan Segala Sesuatu

Kejadian bermula dengan penciptaan dan sejarah awal manusia (1:1-11:32). Ia tidak menjelaskan bagaimana sesuatu dibuat, hanya siapa yang membuat mereka dan mengapa. Penciptaan (1:1-2:3) klimaks dengan manusia pertama, Adam dan Hawa, yang diciptakan untuk mengenal Allah (1:26-27) dan berkewenangan atas segala-galanya (1:28-30). Kebebasan mereka dibatasi hanya dengan satu perintah: jangan memakan dari satu pokok tertentu (2:2-17). Namun inilah yang mereka lakukan, yang menyebabkan mereka diusir dari Taman Eden (3:1-24). Masyarakat manusia terus berkembang, tetapi tanpa kehadiran Allah, kehidupan mereka merosot dengan cepat. Bahkan penghakiman Allah melalui banjir besar (11:1-4) pun tidak dapat menahan kesombongan dan dosa manusia (11:1-4). Tetapi Allah mempunyai sebuah rancangan.

Permulaan Sebuah Keluarga

Melalui Abram, Allah akan membina sebuah keluarga baru yang akan mengasihi dan mematuhi-Nya. Meskipun isteri Abram mandul (11:30), dan sebagai orang Ur-Kasdim (11:31), mereka adalah penyembah bulan, namun Allah menyatakan diri-Nya, berjanji untuk memberkati Abram dan menjadikannya suatu bangsa yang akan memberkati semua bangsa (12:1-3). Abram menanggapi dengan iman (15:1-6) dan Allah telah membuat perjanjian dengannya (15:7-20; 17:1-22). Abraham – lihat 17:5 tentang pertukaran namanya daripada Abram – tidak sempurna (12:10-20; 20:1-18) dan dia cuba membantu melaksanakan rancangan Allah (16:1-16); tetapi akhirnya dia sedar

bahawa Allah melakukan segala sesuatu menurut cara dan waktu-Nya sendiri. Setelah itu, barulah Ishak, anak lelaki yang dijanjikan itu lahir (21:1-7).

Di bawah Ishak dan anaknya, Yakub, umat Allah bertambah dalam jumlah dan kemakmuran, hidup sebagai nomad di Kanaan (bab 24-36). Dua belas orang anak lelaki Yakub menjadi dua belas suku Israel, nama yang diberikan kepada Yakub selepas dia bergelut dengan Allah (32:22-32). Melalui salah seorang anak lelakinya, Yusuf (37:1-36; 3:1-41:57), Israel pergi ke Mesir untuk menghindari kebuluran (42:1-50:26). Keluarga yang sedang berkembang itu sekarang selamat, tetapi di tempat yang salah! Itu akan berlaku berabad-abad sebelum mereka kembali ke Tanah Perjanjian, satu ciri utama dalam sejarah Perjanjian Lama.

Penulis

Menurut tradisi, Musa telah menulis lima kitab pertama dalam Alkitab (Pentateukh atau “lima jilid kitab”), walaupun ada yang berpendapat cerita-ceritanya hanya ditulis beberapa waktu kemudian. Tetapi kerana Musa telah menyimpan rekod-rekod tertulis (Keluaran 17:14; 24:4; 34:27), tiada alasan untuk meragui penulisannya, seperti yang ditegaskan oleh Yesus sendiri (Markus 7:10; 12:26).

Tahun Penulisan

Walaupun peristiwa-peristiwa direkodkan awal dalam sejarah, kitab Kejadian mungkin ditulis pada zaman pengembaraan di gurun (sekitar tahun 1446-1406 SM), walaupun beberapa penyuntingan mungkin telah terjadi kemudian.

GARIS BESAR – KELUARAN

Permulaan Segala Sesuatu

- 1:1-2:25 Permulaan dunia dalam persekutuan dengan Allah
3:1-24 Permulaan dosa dan kesan-kesannya
4:1-26 Permulaan campuran keluarga Adam
5:1-32 Salasilah keluarga Adam

Mula Lagi dengan Nuh

- 6:1-8:19 Kemusnahan dunia oleh banjir besar dan penyelamatan Nuh
8:20-9:17 Perjanjian baru Allah dengan Nuh
9:18-27 Satu lagi permulaan campuran
9:28-10:32 Salasilah keluarga Nuh
11:1-9 Dosa dunia di menara Babel

Permulaan Keluarga Allah

Kisah Abraham

- 11:10-32 Nenek-moyang Abraham
12:1-9 Allah memanggil Abram
12:10-20 Permulaan campuran Abram di Mesir
13:1-14:24 Abram dan Lot
15:1-21 Perjanjian baru Allah dengan Abram
16:1-16 Kelahiran Ismael
17:1-27 Allah memberi Abram nama baru dan tanda penyunatan
18:1-15 Allah mengesahkan janji-Nya dengan Abraham dan Sarah
18:16-19:29 Kemusnahan Sodom dan Gomora dan penyelamatan Lot
19:30-38 Selingan: Lot dan keluarganya
20:1-18 Abraham memperdayakan Abimelek
21:1-21:21 Kelahiran Ishak dan Ismael dihalau
21:22-34 Perjanjian Abraham dengan Abimelek
22:1-19 Ketaatan Abraham diuji
22:20-24:67 Isteri Abraham mati dan Ishak mengahwini Ribka
25:1-10 Kematian dan pengkebumian Abraham

Kisah Ishak

- 25:11-26 Keluarga anak-anak lelaki Abraham; Ismael dan Ishak
25:27:34 Esau menjual hak kesulungannya kepada Yakub
26:1-35 Ishak memperdaya Abimelek dan membuat perjanjian

Kisah Yakub

- 27:1-40 Yakub menipu Ishak untuk memperoleh hak kesulungan Esau
27:41-28:9 Yakub melarikan diri dan Esau mengahwini wanita Kanaan
28:10-22 Yakub menemui Allah dalam mimpi
29:1-30:24 Perkahwinan Yakub dan anak-anaknya
30:25-31:55 Yakub menipu Laban untuk mendapat kekayaan dan melarikan diri
32:1-33:20 Yakub bergelut dengan Allah dan berbaik semula dengan Esau
34:1-31 Selingan: Dina dan Sikkhem
35: 1-15 Allah berjanji untuk memberkati Yakub dan memberinya nama baru
35:16-29 Keluarga Yakub
36:1-43 Salasilah keluarga Esau

Kisah Yusuf

- 37:1-11 Mimpi Yusuf tentang kehebatan
37:12-36 Saudara-saudara Yusuf menjualnya menjadi hamba
38:1-30 Selingan: Kisah Yehuda dan Tamar
39:1-23 Yusuf difitnah dan dipenjarakan
40:1-23 Yusuf mentafsir mimpi-mimpi di penjara
40:1-57 Yusuf mengungkapkan kebuluran yang akan datang kepada Firaun dan dijadikan pentadbir di Mesir
42:1-44:34 Saudara-saudara Yusuf pergi ke Mesir untuk mendapatkan makanan
45:1-47:12 Yusuf bersatu dengan saudara-saudara dan bapanya di Mesir
47:13-26 Kebesaran Yusuf di Mesir
47:13-26 Yakub memberkati anak-anaknya dan mati
50:15-26 Hari-hari terakhir dan kematian Yusuf

Allah

Ayat pembukaan Alkitab menumpukan kita kepada Allah – kekal (21:33), esa (1 Timotius 1:17), *maha kuasa*, mencipta segala sesuatu daripada benda yang tidak dapat dilihat (Ibrani 11:3). Namun, Dia bukan sekadar daya atau kuasa, tetapi *peribadi*, yang mencipta manusia menurut rupa-Nya (1:26-27) untuk berhubungan dengan Dia (2:7-24). Seperti yang dinyatakan dalam Kejadian, kita melihat bahawa Dia bukan sahaja *pemurah* (12:1-3), *penyayang* (16:7-16), *berdaulat* (50:20), tetapi turut menghakimi dosa (3:23; 6:7; 11:8; 1:23-29).

Manusia

Walaupun dicipta pada hari yang sama dengan binatang, manusia adalah berbeza dan lebih tinggi kedudukannya, tercermin dalam penciptaan mereka yang terpisah (1:24-26), berkewenangan ke atas dunia binatang (1:28), dan dicipta menurut rupa Allah (1:26-27) – satu gambar yang dipantulkan sepenuhnya dan setara pada kedua-dua jantina.

Ciptaan


Ciptaan adalah “baik” (1:4, 10, 12, 18, 21, 25, 31) dan untuk dinikmati, tetapi tidak untuk dikecualikan daripada penciptanya, atau dijadikan tuhan (Keluaran 20:4-5). Sebagai pengurus Allah, manusia seharusnya menjaga ciptaan bagi pihak-Nya (1:28; 2:15; 9:1-3; Mazmur 8:3-8; 115:16).

Dosa

Ketidakpatuhan Adam dan Hawa mempunyai akibat yang meluas yang mempengaruhi hubungan dengan Allah (3:8-10), satu sama lain (3:7, 12) dan ciptaan itu sendiri (3:17-19), tetapi mereka menidakkan kesalahan mereka dengan bersembunyi dan memberi alasan (3:7-13). Dosa mereka menyebar jauh ke dalam keturunan mereka (4:1-8) dan seluruh umat manusia (6:1-6), sehingga “biarpun dari kecil lagi ada sifat durjana dalam hati manusia” (8:21). Alkitab menyatakan bahawa “semua manusia telah berdosa dan tidak dapat mencapai kemuliaan Allah” (Roma 3:23).

Perjanjian

Walaupun perjanjian (kontrak di antara dua pihak yang serius yang tidak dapat dipecahkan) adalah lazim, namun perjanjian alkitabiah adalah berbeza kerana ia adalah inisiatif Allah sepenuhnya. Oleh itu, apa yang dapat Abraham lakukan Ketika Allah mengadakan perjanjian dengannya hanyalah berdiri dan melihat (15:1-21). Hanya setelah dibuat barulah dia dapat memberi respons. Allah membuat perjanjian dengan umat-Nya pada waktu-waktu penting (misalnya 9:8-17; 15:9-21; 17:1-27; 19:3-8), tetapi para nabi menantikan perjanjian baru, yang ditulis di hati manusia (Yeremia 31:31-34; Yehezkiel 37:25-27), yang dikatakan oleh Perjanjian Baru terjadi melalui Yesus (Matius 26:26-28; Ibrani 9:15-28).



Perjalanan Abraham

Perjalanan Abraham dan kumpulan keluarganya dari Ur di Mesopotamia selatan membawanya melalui dataran sungai yang subur di mana kawanan ternakan mereka mendapat padang rumput. Sementara sebahagian besar kumpulan keluarganya menetap di Padan-Aram, Abraham mematuhi panggilan Allah dan meneruskan perjalanan bersama keluarganya ke Kanaan. Satu kunjungan ke Mesir memberikan kelegaan ketika kebuluran melanda.

Pemilihan

Pemilihan adalah panggilan Allah yang mulia dan berdaulat bagi orang untuk tujuan-Nya yang lebih besar. Dalam Kejadian, Dia memilih Israel melalui Abraham (12:1-3; 15:1-18; 17:1-16), bukan bangsa lain. Dia memilih Ishak bukan Ismael (17:19-21; Roma 9:6-9). Dia memilih Yakub bukan Esau (25:23; 27:1-40; Roma 9:10-16). Pilihan ini

bukan kerana pilih kasih, tetapi kerana kasih (Ulangan 7:7-8), untuk mewujudkan tujuan penyelamatan-Nya yang lebih besar. Oleh itu, mereka yang terpilih tidak seharusnya berbangga (Roma 9-11), dan bahkan mereka yang tidak terpilih masih boleh mendapat berkat, seperti yang ditemukan oleh Ismael (21:17-20) dan Esau (36:6-8).

APLIKASI UNTUK HARI INI – KEJADIAN

Dosa Selalu Terdedah

Tipu daya dosa membuat kita berfikir bahawa kita dapat menyembunyikan dosa; tetapi kita tidak boleh. Adam dan Hawa cuba bersembunyi (3:8-10); Kain berpura-pura tidak tahu tentang apa yang berlaku kepada Habel (4:8-12); Abraham berbohong mengenai Sarah (12:10-20); tetapi semua terdedah. Kita tidak mendapat pengampunan dosa dengan menyembunyikannya, tetapi dengan mengakuinya (misalnya 1 Yohanes 1:8-9).

Iman Selalu Mendapat Ganjaran

Abraham tidak sempurna; apa yang membuatnya benar di hadapan Allah bukan tingkah lakunya tetapi imannya (15:6). Meskipun mengalami kemunduran dan kesilapan, dia tetap percaya pada janji Allah dan kerana itu dia diberkati (21:1-5; 22:1-18). Perjanjian Baru melihatnya sebagai teladan untuk diikuti (misalnya Roma 4: 1-25; Galatia 3:1-18; Ibrani 11:8-9).

Janji Selalu Digenapi

Allah berjanji kepada Abraham bahawa dia akan “beranak cucu sangat banyak” (17:6) dan menjadi sebuah bangsa yang besar. Kejadian menunjukkan bagaimana janji ini digenapi, ketika keturunan Abraham bertambah dalam jumlah dan kekayaan, dan akhirnya menjadi dua belas suku. Apabila Kanaan mengalami kebuluran, Allah menyelamatkan mereka dan membawa mereka ke Mesir di mana mereka “beranak cucu dan bilangan mereka menjadi sangat banyak” (47:27). Ini berlanjutan sehingga pada Keluaran, Firaun menjadi takut dengan jumlah mereka yang ramai (Keluaran 1:1-10).

Ketaatan Selalu Diberkati

Abraham menyahut panggilan Allah untuk “pergi

“Memang dahulu kamu berniat melakukan kejahatan terhadapku, tetapi Allah memaksudkan perbuatan kamu untuk tujuan yang baik sehingga wujud apa yang terjadi sehingga hari ini, iaitu dengan terpeliharanya kelangsungan hidup ramai manusia.”

(Kejadian 50:20)

ke negeri yang akan Kutunjukkan kepadamu.” (12:1) walaupun dia tidak tahu di mana tempat itu, dia mempercayai janji Allah bahawa dia akan diberkati dan akan menjadi berkat (12:2). Panggilan misi untuk “pergi” masih relevan kepada semua umat Allah pada hari ini (Matius 28:18-20). Ketika para pengikut Yesus mentaatinya, mereka juga diberkati (misalnya Markus 16:20; Kisah Para Rasul 2:38-41; 8:4-8), begitu juga dengan kita.

Tujuan Selalu Dicapai

Sejak dari Taman Eden, Iblis telah berusaha menentang tujuan-tujuan Allah, tetapi Kejadian menunjukkan bagaimana pemeliharaan Allah terjadi – pengawasan-Nya yang tidak henti-henti terhadap umat-Nya dan penglibatan-Nya dalam semua peristiwa dan keadaan untuk tujuan-Nya sendiri – memastikan bahawa semua perkara pada akhirnya terjadi seperti yang dirancang. Walaupun kita melihat ini dalam kehidupan para bapa leluhur, tidak ada yang lebih jelas daripada kisah Yusuf. Dia percaya bahawa Allah sedang bekerja walaupun segala-galanya kelihatan salah (37:36; 39:1-41:57), meyakinkan saudara-saudaranya yang ketakutan bahawa Allah telah mengerjakan semua hal (50:20-21). Sehingga hari ini Allahlah yang “bekerja untuk kebaikan orang yang mengasihinya-Nya” (Roma 8:28).



Keluaran

Satu Umat Dibebaskan, Satu Bangsa Dibentuk

GAMBARAN KESELURUHAN

Oleh kerana ditindas oleh Firaun Mesir dan dipaksa menjadi hamba, umat Allah berseru untuk dibebaskan. Tetapi rancangan Allah jauh lebih besar daripada rancangan mereka. Mereka hanya mengharapkan kebebasan dari bangsa yang kejam, tetapi Allah merancang untuk menjadikan mereka suatu bangsa tersendiri.

RINGKASAN

Keluaran (bermaksud “keluar” atau “jalan keluar”) bermula dengan keturunan Abraham yang masih di Mesir, di mana kita telah tinggalkan dalam kitab Kejadian. 430 tahun telah berlalu (12:40) dan pemerintah-pemerintah baru (1:8), yang tidak tahu tentang bagaimana Yusuf menyelamatkan Mesir dari kebuluran, berasa terancam dengan jumlah mereka yang semakin ramai. Oleh itu, para pemerintah menjadikan mereka hamba (1:9-14) dan membunuh anak lelaki sulung mereka (1:15-22).

Menanggapi tangisan mereka (2:23-25), Allah memanggil Musa untuk membebaskan mereka. Musa berasa serba kekurangan (3:10-4:17), tetapi dia seorang sahaja yang Allah perlukan. Walaupun dilahirkan sebagai seorang Ibrani, dia membesar di istana Firaun (2:1-10) dan telah mempelajari kemahiran-kemahiran seperti kepimpinan dan penulisan. Akan tetapi dia juga mungkin telah menyembah dewa-dewa orang Mesir, oleh itu dia terlebih dahulu perlu bertemu dengan Allah yang hidup. Allah menyatakan diri-Nya kepada Musa ketika dia berusia 80 tahun (7:7) dalam belukar yang bernyala-nyala, bukan sahaja sebagai Allah nenek-moyangnya tetapi juga sebagai “AKU” dan mengutusnyanya kembali ke Mesir (3:1-4:31).

Firaun enggan membebaskan hambahambanya (5:1-21); tetapi melalui sepuluh azab (7:14-12:30), yang memuncak dengan kematian anak-anak sulung Mesir, hatinya yang keras dihancurkan. Dia membebaskan bangsa Israel, kemudian berubah fikiran dan mengejar mereka dengan memerangkap mereka di tepi Laut Merah. Namun Allah melakukan mukjizat dengan membelah laut sehingga mereka dapat melarikan diri (14:1-31).

Kegembiraan kebebasan dengan cepat bertukar kepada sungutan kerana kesusahan di padang pasir, walaupun dengan penyertaan dan penyediaan Allah yang ajaib (15:22-17:7). Tiga bulan kemudian, mereka tiba di Gunung Sinai di mana mereka menetap hampir setahun. Di sini, Allah mengadakan perjanjian dengan mereka (19:1-8; 24:1-18), memberi mereka Sepuluh Perintah (20:1-17) dan hukum-hukum lain (20:22-23:19). Hukum ini diletakkan dalam Tabut Perjanjian dan disimpan di sebuah khemah istimewa (Khemah Suci). Di halaman yang mengelilinginya, imam-imam dapat mempersembahkan korban (27:1-30:38) untuk menegakkan kembali perjanjian apabila orang melanggarnya.

Ketika Musa masih berada di Gunung Sinai, Harun telah membuat arca anak lembu emas (suatu simbol pagan) yang disembah oleh orang dalam suatu pesta liar (32:1-8). Hanya kerana doa Musa, Allah tidak meninggalkan mereka (32:9-33:22). Allah menghormati iman Musa dengan menyatakan siapa Dia sebenarnya: Allah yang mahu mengampuni dan bukan menghakimi (34:6-7). Wahyu ini telah mengubah Musa (34:2-35). Setelah tabut dan Khemah Suci selesai (35:4-40:33), Allah melawat umat-Nya dalam awan kemuliaan (40:34-38). Sekarang, perjalanan boleh diteruskan.

Penulis

Secara tradisi, kedua-dua orang Yahudi dan Kristian melihat penulisnya adalah Musa. Terdapat cadangan dalam teks itu sendiri yang menyatakan hal demikian (lihat 17:14; 24:4; 34:27).

Tahun Penulisan

Ditulis beberapa waktu selepas peristiwa Keluaran, biasanya bertarikh sekitar 1446 SM, ketika pengembaraan di gurun, walaupun beberapa penyuntingan mungkin telah dilakukan kemudian.

GARIS BESAR – KELUARAN

Orang Israel di Mesir

- 1:1-14 Orang Mesir memperhambakan orang Israel
1:15-22 Kekejaman Firaun dan kebaikan bidan-bidan Mesir

Kisah Musa

- 2:1-10 Musa dilahirkan dan dijadikan anak angkat oleh puteri Firaun
2:11-25 Musa melarikan diri ke Midian
3:1-4:17 Musa menerima panggilan Allah di belukar yang bernyala-nyala
4:18-31 Musa dan Harun membawa mesej Allah kepada orang Israel di Mesir
5:1-23 Firaun enggan membebaskan orang Israel dan memaksa mereka untuk bekerja lebih keras

Allah Membawa Orang Israel Keluar dari Mesir

- 6:1-8 Janji Allah kepada orang Israel
6:9-7:13 Musa dan Harun tidak dipedulikan oleh orang Israel dan Firaun
7:14-10:29 Sembilan azab terhadap Mesir
11:1-10 Musa memberi amaran kepada Firaun tentang azab kesepuluh
12:1-27 Arahan tentang Paskah
12:28-42 Paskah dan keluar dari Mesir
12:43-13:16 Ketetapan lebih lanjut bagi Perayaan Paskah
13:17-14:31 Orang Israel menyeberang Laut Merah dan tentera Mesir dikalahkan
15:1-21 Nyanyian kemenangan bagi Allah

Umat Baru Allah Dibentuk

Orang Israel di Gurun

- 15:22-17:7 Allah menyediakan air dan makanan
17:8-16 Israel mengalahkan orang Amalek dengan pertolongan Allah
18:1-12 Yetro melawat Musa dengan beberapa nasihat
18:13-27 Bermulanya sistem undang-undang Israel

Perjanjian Allah dengan Israel

- 19:1-25 Allah datang kepada orang Israel di Gunung Sinai
20:1-21 Allah memberikan Sepuluh Perintah
20:22-23:19 Peraturan kehidupan orang Israel
23:20-33 Janji Allah untuk menyertai umat-Nya
24:1-18 Orang Israel bersetuju dengan perjanjian
25:1-31:18 Ketetapan ibadat dan kehidupan keagamaan Israel
32:1-35 Orang Israel berdosa dengan membuat arca anak lembu emas
33:1-34:35 Allah memperbaharui perjanjian dengan orang Israel
35:1-40:33 Orang Israel mematuhi perintah-perintah Allah dan mendirikan Khemah Suci
40:34-38 Kemuliaan Allah hadir dan memenuhi Khemah Suci


Musa dan Keluaran

Di bawah naungan Yusuf, Yakub dan keluarganya dialu-alukan ke Mesir dan menetap di sana (Kejadian 39-50). Seorang Firaun seterusnya menekan keturunannya dengan belunggu perhambaan. Satu perintah untuk membunuh semua bayi lelaki Ibrani tidak dapat menghalang kelahiran dan kelangsungan hidup Musa, yang dibesarkan di istana sebagai seorang bangsawan Mesir.

Setelah membunuh seorang Mesir yang telah memukul seorang Ibrani, Musa melarikan diri ke Midian untuk menyelamatkan dirinya di mana dia menetap dan berkeluarga. Allah memanggilnya untuk kembali ke Mesir untuk

membawa umat-Nya keluar dari perhambaan (Keluaran 3:1-4:20). Akhirnya, selepas Allah menunjukkan kuasa-Nya dengan azab-azab (Keluaran 7-10), orang Ibrani pergi setelah 430 tahun berada di Mesir.

Laluan yang diambil terbuka untuk dibahaskan dan beberapa nama tempat tidak dapat dipastikan. Oleh kerana orang Ibrani mempersoalkan kewibawaan Musa dan terus-menerus tidak mentaati Allah, perjalanan mereka dari Mesir ke negeri yang dijanjikan mengambil masa selama 40 tahun, yang memungkinkan generasi yang meninggalkan Mesir mati dan anak-anak mereka untuk mewarisi Tanah Perjanjian.



Wahyu

Penampakan diri Allah kepada Musa melalui belukar yang bernyala-nyala (3:1-4:7) merupakan suatu bentuk *wahyu* – Allah menyatakan diri-Nya, sepenuhnya atas inisiatif-Nya sendiri, kepada orang yang tidak mencari-Nya dan kepada orang yang tidak berharap untuk mencari-Nya (misalnya Kejadian 12:1-4; 35:6-7; Yehezkiel 1:1-2:2; Kisah Para Rasul 9:1-18; Ibrani 1:1-3). Wahyu sangat penting kerana Allah begitu transenden dan sangat kudus sehingga kita sendiri tidak akan pernah dapat menemukan-Nya atau menemukan sifat dan tujuan-Nya.

Allah menyatakan bukan sahaja diri-Nya, tetapi juga nama-Nya – TUHAN, atau Yahweh (3:15) – yang merupakan permainan kata-kata dengan bahasa Ibrani “AKU” (3:14) –menunjukkan Dia adalah Allah yang peribadi dan yang selalu “ada”.

Mengingati

Mengetahui betapa mudahnya orang lupa, Allah memerintahkan Israel untuk memperingati peristiwa keluaran melalui perayaan tahunan Paskah (12:1-20), yang masih dirayakan oleh orang Yahudi pada hari ini. Dalam perayaan Perjanjian Lama yang penting ini, mereka mengingati bagaimana Allah “melintasi” rumah-rumah mereka, menyelamatkan anak-anak sulung mereka dan membebaskan mereka (12:21-42).

Paskah (atau Perayaan Roti Tidak Beragi) adalah salah satu daripada tiga perayaan tahunan yang Allah tetapkan untuk menolong Israel mengingati-Nya (23:14-17). Dua lagi perayaan adalah *Perayaan Penuaian* (*Perayaan Tujuh Minggu* atau *Pentakosta*) yang merayakan pemberian Allah melalui penuaian biji-bijian pada bulan Mei/Jun; dan *Perayaan Pondok Daun* (atau *Perayaan Tabernakel*) yang merayakan penuaian buah-buahan pada bulan September/Oktober dan memperingati kehidupan mereka di “khemah-khemah” di gurun.

Penebusan

Allah menggambarkan pembebasan Israel oleh-Nya sebagai penebusan (6:6-8), yang menjadi satu model penyelamatan bagi umat Allah. Alkitab sering melihat kembali peristiwa ini sebagai penebusan terbesar dalam sejarah Israel (misalnya Ulangan 7:7-8; 15:12-15; 2 Samuel 7:22-24; Yesaya 43:1-4).

Dalam Perjanjian Baru, kematian Yesus dilihat sebagai harga tertinggi untuk menebus manusia dari dosa mereka (misalnya Roma 3:23-24; Galatia 3:13-14; Efesus 1:7).


Respons

Setelah menetapkan perjanjian-Nya dengan Israel dan menjadikan mereka umat-Nya, Allah yang kudus mengharap mereka sekarang menjalani kehidupan yang kudus (19:3-8; 22:31). Sepuluh Perintah (20:1-17), asas perjanjian yang dibuat-Nya dengan mereka, menyimpulkan respons mendasar kepada Allah dan sesama mereka, dan masih merupakan asas penting dalam mana-mana masyarakat. Perintah-perintah seterusnya (20:22-23:19) menghurai perintah-perintah dasar ini dalam mengatur kehidupan Israel di gurun dan di Tanah Perjanjian, serta menetapkan satu pola penyembahan bagi mereka (bab 25-40). Mencuba untuk hidup menurut perintah-perintah ini akan mengungkap kemustahilan untuk hidup sesuai dengan standard kudus Allah.

Allah bagi Sejarah

Kitab Keluaran menunjukkan bahawa Allah bertindak dalam sejarah untuk menyelamatkan umat-Nya. Tidak ada sesuatu pun yang di luar kawalan-Nya.

- Perhambaan Israel diubah oleh Allah yang sentiasa mengingati umat-Nya (2:23-25; 3:7-10) dan bekerja dalam semua hal untuk kebaikan (Roma 8:28).
- Yesuslah yang memegang gulungan sejarah, bukan Iblis (Wahyu 5:1-10). Apabila Iblis cuba memusnahkan bayi-bayi Yahudi, Allah campur tangan dan melindungi Musa di bawah naungan Firaun (2:1-10; Kisah Para Rasul 7:20-22).



Allah Perjanjian

Tidak kira berapa lama kita mungkin perlu menunggu, Allah akan selalu menepati janji-janji-Nya. Dia mengungkapkan diri-Nya sebagai Allah Abraham, Ishak dan Yakub (3:6) kerana janji-janji kepada mereka akan segera digenapi (3:15-17). Janji inilah yang membuat Musa terus tabah (misalnya 33:14; Bilangan 10:29), bersama dengan janji Allah yang menyatakan Dia akan selalu menyertai Musa (misalnya 3:12; 4:15).

Allah yang Berkuasa

Mungkin lebih banyak mukjizat yang terjadi dalam kitab Keluaran berbanding kitab-kitab Perjanjian Lama yang lain. Ini mengingatkan kita bahawa Allah bukan sahaja berfirman, Dia juga bertindak. Apabila Firaun tidak mepedulikan firman-Nya (7:8-13), Allah

menunjukkan kuasa-Nya melalui sepuluh azab (7:14-12:30), setiap azab mencabar tuhan-tuhan orang Mesir (kerana semua yang telah dilanda mewakili tuhan atau dilihat sebagai tuhan). Kuasa Allah selalu menang.

Allah Kasih Kurnia

Walaupun mengandungi hukum dan perintah Allah, Keluaran juga penuh dengan kasih kurnia Allah; kebaikan-Nya yang tidak selayaknya diterima. Kita melihat ini dalam:

- Penampakan diri dan panggilan Allah kepada Musa (3:1-10)
- Pemberian pemimpin-pemimpin oleh Allah melalui nasihat Yitro yang bijak ketika Musa lelah dengan tanggungjawab kepimpinan (18:13-27)
- Pengampunan Allah terhadap Israel apabila Musa berdoa 32:17-33:17)
- Allah menyatakan diri-Nya sebagai “panjang sabar serta berlimpah kasih dan setia” (34:6)

Allah yang Memimpin

Allah tidak membebaskan Israel dan kemudian membiarkan mereka meneruskan kehidupan sendirian. Dia dengan hati-hati membimbing mereka, melalui kehadiran-Nya (awan dan tiang api, 13:21-22) dan firman-Nya (Hukum). Allah tidak pernah meninggalkan kita sendirian. Kita hanya perlu mengikuti, walaupun kelihatan seperti gurun di hadapan.

Allah Pengharapan

Keluaran penuh dengan harapan di tengah-tengah situasi tanpa harapan (misalnya 3:7-10; 14:15-18; 15:22-25; 33:12-23). Para nabi sering melihat kembali peristiwa keluaran sebagai satu model harapan bagi umat Allah (misalnya Yesaya melihat kepulangan dari pembuangan sebagai keluaran baru, Yesaya bab 40-55). Perjanjian Baru memusatkan harapan utama kita dalam kembalinya Yesus Kristus.

Imamat

Allah Yang Kudus, Umat Yang Kudus

GAMBARAN KESELURUHAN

Bangsa yang telah ditebus oleh Allah yang kudus dari perhambaan di Mesir kini perlu belajar apa yang dimaksudkan dengan mereka sendiri harus menjadi kudus (berbeza), bukan sahaja dalam ibadat dan agama mereka, tetapi juga seluruh kehidupan mereka.

RINGKASAN

Imamat (“berkaitan dengan orang Lewi”) diberikan tajuk ini kerana kandungannya banyak berkaitan dengan pekerjaan orang Lewi dan para imam yang mengendalikan penyembahan. Dalam kitab Keluaran, Allah yang kudus telah menjadikan Israel “bangsa kudus-Nya” (Keluaran 19:6) dan telah memerintahkan mereka untuk membangun Khemah Suci. Sekarang dalam kitab Imamat, Dia memberi mereka hukum yang mengatur ibadat di Khemah Suci itu dan menggambarkan gaya hidup suci yang harus diikuti. Perintah-perintah ini diberikan pada tahun ketika Israel berkhemah di Gunung Sinai.

Allah menerangkan kepada Musa tentang sistem korban (bab 1-7) yang melalui korban-korban tersebut, persekutuan dengan-Nya dapat dikekalkan atau dipulihkan. Lima korban utama digariskan: korban bakaran (1:1-17; 6:8-13), yang menyatakan pengabdian kepada Allah; persembahan bahan makanan (2:1-16; 6:14-23), yang menyatakan rasa syukur atas penyediaan Allah; korban kedamaian (3:1-17; 7:11-21), yang membangun kembali persekutuan di antara penyembah dengan Allah atau orang lain; korban penghapus dosa (4:1-35; 6:24-30), yang mencakup dosa yang tidak disengajakan terhadap Allah; korban penebus kesalahan (5:14-6:7; 7:1-6), yang meliputi dosa dan kesalahan yang tidak disengajakan terhadap orang lain. Setiap korban dilakukan dengan cara yang berbeza dan terperinci, menunjukkan bahawa orang berdosa tidak boleh terburu-buru untuk masuk ke hadirat Allah yang kudus. Hanya dosa yang tidak disengajakan boleh ditebus; tidak ada peruntukan untuk dosa yang disengajakan. Korban tahunan pada Hari Penebusan (16:1-34) mengingatkan umat Allah bahawa tidak ada satu pun dari korban-korban ini yang cukup untuk benar-benar mengatasi dosa. Perjanjian Baru melihat ini sebagai bayangan pengorbanan Kristus, yang cukup untuk menebus dosa (lihat Ibrani 9:1-10:14).

Korban-korban suci kepada Allah yang kudus perlu dipersembahkan oleh para imam yang kudus. Oleh yang demikian, Allah mengariskan syarat-syarat kelayakan dan ciri-ciri para imam (8:1-9:24). Sepanjang Imamat, umat Allah diingatkan bahawa oleh kerana Allah itu kudus, mereka juga harus menjadi kudus. Satu peringatan penting mengenai ini adalah kematian anak-anak lelaki Harun, iaitu Nadab dan Abihu, kerana keingkaran mereka. Melalui hal ini, Allah berbicara untuk menegaskan bahawa Dia akan menunjukkan kekudusan-Nya (10:1-3).

Keperluan untuk kekudusan ditekankan lagi dengan mengecualikan segala sesuatu yang najis atau bercela dari hadirat Allah (11:1-15:33). Hanya dengan upacara pembersihan barulah orang yang najis boleh kembali. Perjanjian Baru mengatakan bahawa Yesus telah melakukan pembersihan ini untuk kita (lihat Ibrani 9:11-14).

Bab 17-27 menerangkan bagaimana kehidupan nasional bangsa Israel mencerminkan kekudusan mereka. Mereka harus dilihat berbeza daripada bangsa-bangsa di sekeliling mereka. Isu-isu praktikal ditekankan termasuk hubungan seksual (18:1-30), orang miskin (19:9-10), fitnah (19:16), menghormati orang tua (19:32), kejujuran dalam perniagaan (19:35-36) dan penjagaan tanah (25:1-7).

Penulis

Secara tradisi, kedua-dua orang Yahudi dan Kristian melihat penulisnya adalah Musa. Lihat Kejadian.

Tahun Penulisan

Ditulis sekitar antara 1446 dan 1406 SM, semasa pengembaraan di gurun, walaupun sesetengah sarjana berpendapat penyuntingan kemudian mungkin telah berlaku. Lihat Kejadian.

GARIS BESAR – IMAMAT

Peraturan bagi Korban-korban Suci

1:1-17	Peraturan untuk korban bakaran
2:1-16	Peraturan untuk persembahan bahan makanan
3:1-17	Peraturan untuk korban kedamaian
4:1-5:13	Peraturan untuk korban penghapus dosa
5:14-6:7	Peraturan untuk korban penebus kesalahan
6:8-7:21	Peraturan tambahan kepada para imam tentang korban
7:22-27	Larangan memakan lemak dan darah
7:28-36	Peraturan korban kedamaian bagi imam
7:37-38	Ringkasan korban-korban

Institusi Jawatan Imam yang Suci

8:1-36	Harun dan anak-anaknya ditahbiskan sebagai imam
9:1-24	Para imam memulakan pelayanan mereka
10:1-20	Keentingan mematuhi peraturan-peraturan Allah

Peraturan untuk Kehidupan yang Suci

11:1-23	Haiwan yang haram dan tidak haram
11:24-47	Kenajisan bangkai
12:1-8	Peraturan penyucian selepas melahirkan anak
13:1-14:57	Peraturan penyucian jangkitan kulit, pakaian dan rumah
15:1-33	Peraturan penyucian daripada lelehan tubuh
16:1-34	Hari Penebusan tahunan
17:1-9	Korban-korban Israel harus dipersembahkan di Khemah Suci
17:10-16	Larangan memakan darah dan bangkai haiwan
18:1-30	Peraturan amalan seksual
19:1-20:27	Peraturan tambahan kehidupan suci dan akibat ketidaktaatan
21:1-22:16	Peraturan tambahan untuk para imam
22:17-33	Peraturan tambahan tentang persembahan korban
23:1-44	Peraturan pelbagai hari perayaan tahunan
24:1-9	Peruntukan minyak dan roti bagi Khemah Pertemuan
24:10-23	Peraturan tentang hukuman yang adil
25:1-55	Peraturan Tahun Sabat dan Tahun Pembebasan
26:1-46	Akibat dari ketaatan dan ketidaktaatan
27:1-34	Penilaian dan pembayaran nazar kepada Allah

TEMA KUNCI – IMAMAT

Imam Suci

Allah hanya mengizinkan orang tertentu untuk bekerja di Khemah Suci. Mereka adalah para imam, keturunan Harun (Bilangan 3:10), untuk mempersembahkan korban dan orang Lewi, iaitu keturunan Lewi, yang ditugaskan untuk membantu mereka (Bilangan 3:5-9). Para imam yang telah ditahbiskan untuk pekerjaan mereka (8:1-9:24), berdiri di antara orang berdosa dan Allah yang kudus.

Hanya Kristus sahaja yang sekarang adalah Imam Besar kita (Ibrani 2:17; 3:1; 4:14-5:10; 10:19-23) dan oleh itu kita tidak memerlukan yang lain. Semua orang Kristian sekarang adalah imam (lihat 1 Petrus 2:4-10).

Korban Suci

Apa yang membuat korban-korban ini berbeza adalah bahawa mereka bukan persembahan manusia kepada tuhan-tuhan atau dewa-dewa

(seperti agama-agama lain), tetapi pemberian Allah kepada mereka. Ini adalah cara Allah menangani dosa. Adam dan Hawa telah berusaha menyembunyikan dosa (Kejadian 3:7-11); korban pula membawanya ke tempat terbuka.

Orang berdosa menyembelih sendiri haiwan korbannya (misalnya 1:3-5; 3:1-2), yang menekankan “ganjaran dosa adalah kematian” (Roma 6:23). Kemudian, imam akan membawa darah haiwan korban ke mazbah (misalnya 1:5; 3:2) untuk “mengadakan penebusan” (misalnya 1:4; 4:20). Dalam perkataan Ibrani, ia membawa maksud “untuk menutupi”. Hanya apabila dosa ditutup atau ditangani, barulah orang berdosa dapat mendekati Allah yang kudus dan menjadi “satu” dengan-Nya.

Korban Selalunya adalah:


- *Haiwan* (misalnya 1:2; 4:3), menggantikan manusia dengan tangan diletakkan di atasnya (misalnya 1:4).
- *Jantan* (misalnya 1:3; 4:3), menekankan nilai kerana jantan, dengan potensi pembiakannya, adalah lebih berharga.

- *Tidak ada cacat cela* (misalnya 1:3; 4:3), menggambarkan kesempurnaan Allah dan hanya yang terbaik yang cukup baik.

Bagaimanapun, ketidakcukupan korban ini ditunjukkan oleh Hari Penebusan (16:1-34) apabila penebusan diadakan untuk dosa-dosa bangsa. Imam besar membunuh seekor kambing, memercikkan darahnya pada penutup pendamaian di Tempat Suci (yang hanya boleh dimasuki sekali dalam setahun), dan selepas itu, meletakkan tangannya di atas kambing kedua sambil mengakui dosa-dosa bangsa lalu melepaskannya ke gurun. Melalui kedua-dua aspek ini – menyembelih dan melepaskan – jaminan pengampunan Allah diisytiharkan.

Hidup Suci

Kitab Imamat menekankan cara yang Allah menghendaki umat-Nya hidup – berbeza (maksud “suci/kudus”) dari bangsa-bangsa lain di sekitar mereka. Tidak ada bahagian kehidupan yang dikecualikan – ibadat, kesihatan, pekerjaan, seks, sikap, keadilan, perniagaan – semua ini mengungkapkan perintah untuk “kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri” (19:18).



Cara Hidup Kita

Imamat menyatakan bahawa Allah yang kudus menginginkan orang yang kudus, dan kekudusan harus mempengaruhi seluruh kehidupan mereka. Ini turut dipersetujui dalam Perjanjian Baru (misalnya 1 Korintus 6:9-20; Efesus 4:17-5:20; 1 Petrus 1:13-2:12). Sekiranya orang mengaku diselamatkan tetapi tidak diubah, kita mungkin meragukan sama ada mereka benar-benar diselamatkan.


Bagaimanapun, kekudusan bukanlah satu senarai tingkah laku yang harus diikuti atau dielakkan. Yesus menolak pendekatan kepada kekudusan ini (yang diamalkan oleh orang Farisi) dengan menekankan bahawa itu adalah masalah hati (Markus 7:1-23).

Cara Kita Beribadat

Korban sangat mahal (haiwan-haiwan tidak murah!), menunjukkan bahawa dosa tidak dapat ditangani dengan harga yang murah dan ibadat sejati selalu menuntut harga yang tinggi. Kita tidak perlu lagi melakukan korban binatang, kerana pengorbanan Kristus telah memenuhi semuanya. Mereka hanya bayangan, sedangkan Yesus adalah korban sebenar (Ibrani 10:1-14). Kita sekarang bebas menghadap Allah untuk menyembah-Nya pada bila-bila masa (Ibrani 4:14-16).

Cara Kita Mengasihi

Imamat memperlihatkan perlunya menunjukkan kasih kita kepada Allah melalui ungkapan kasih yang praktikal kepada orang lain (19:18). Ini tercermin dalam peraturan memungut saki-baki tuaian (19:9-10) dan Tahun Jubli (25:8-55), di mana semua tanah dikembalikan kepada pemilik asal setiap lima puluh tahun bagi memberi semua orang satu permulaan baru dalam kehidupan.



“Oleh itu, sucikanlah dirimu dan jadilah suci kerana Akulah TUHAN, Allahmu. Berpegang teguhlah pada segala ketetapan-Ku dan amalkanlah kesemuanya. Akulah TUHAN yang menyucikan kamu.”

(Imamat 20:7-8)

Yesus memerintahkan para pengikut-Nya untuk menunjukkan kasih mereka kepada Allah dengan cara mengasihi sesama manusia (Lukas 10:27) dan Yakobus meragui kenyataan iman seseorang yang tidak melakukannya (Yakobus 2:1-17).

Cara Kita Berehat

Allah yang suci memberikan umat-Nya satu hari yang kudus, iaitu hari Sabat (23:3) yang akan berbeza daripada hari-hari lain. Setiap orang harus berhenti bekerja supaya mereka dapat disegarkan dan mengingati Allah.

Menjelang zaman Yesus, orang Farisi telah menjadikan hari Sabat suatu beban dan bukannya berkat dengan menetapkan peraturan, sesuatu yang dikritik oleh Yesus (Markus 2:23-28; Lukas 14:1-6; Yohanes 9:13-34). Walau bagaimanapun, Dia tidak pernah memperkecilkan hari Sabat dan prinsip hari tersebut sebagai hari istirehat dan penyegaran tetap menjadi bahagian daripada pola hidup bijak Allah, kembali kepada penciptaan itu sendiri (Kejadian 2:2-3; Keluaran 20:8-11).

Orang Kristian yang awal telah mengubah hari istirehat dan peringatan ini dari hari Sabtu kepada hari Ahad untuk merayakan kebangkitan.

Bilangan

Dari Bersyukur kepada Bersungut

GAMBARAN KESELURUHAN

Meneruskan perjalanan yang dimulakan dalam Keluaran dan Imamat, Bilangan menjelaskan bagaimana orang Israel bergerak dari Gunung Sinai ke Tanah Perjanjian. Sayangnya mereka tidak menanggapi dengan rasa syukur, tetapi dengan bersungut, dan dengan itu kehilangan hak untuk memasuki Tanah Perjanjian. Perjalanan yang hanya dua minggu sekarang mengambil masa selama 38 tahun, dan hanya anak-anak mereka yang akan dapat memasukinya.

RINGKASAN

Selepas satu bancian (1:1-54), dua belas suku ditugaskan di sekeliling tabut (2:1-34). Allah memberikan tanggungjawab kepada suku Lewi (3:1-4:49; 8:5-26), memberi mereka peraturan-peraturan untuk menjaga kesucian khemah (5:1-31) dan melaksanakan sistem semboyan nafiri (10:1-10). Sekarang, mereka boleh meninggalkan Gunung Sinai (10:11-36). Tetapi mereka dengan cepat merungut tentang kesusahan yang mereka alami; mereka teringat kehidupan di Mesir dan berharap mereka dapat kembali ke sana (11:1-6). Allah menyediakan manna (11:7-9) dan burung puyuh (11:31-34) serta memberi Musa 70 orang daripada kalangan tua-tua bangsa itu ketika dia berhadapan dengan kesukaran besar dalam memimpin. Bahkan Miryam dan Harun turut serta dalam kritikan (12:1-16). Jelas bahawa kehidupan di gurun adalah suatu tekanan.

Para pengintip dihantar ke Kanaan dan kembali dengan pelbagai laporan (13:1-33). Mereka mengatakan tanah itu subur, tetapi penduduknya terlalu kuat untuk diusir. Laporan mereka menimbulkan keinginan besar untuk kembali ke Mesir (14:1-4), hanya Yosua dan Kaleb sahaja yang berpendirian tegas (11:6-9). Musa dan Harun berdoa (11:5), merayu kepada reputasi (11:13-16) dan karakter (11:17-19) Allah sebagai alasan agar Dia tidak meninggalkan Israel.

Allah mendengar doa mereka, tetapi berfirman semua orang yang berumur 20 tahun ke atas, kecuali Yosua dan Kaleb, akan mati di gurun dan tidak akan dapat memasuki Kanaan (11:29-30; Ibrani 3:7-11).

Perjalanan itu mempunyai sisi baik dan buruknya. Di sisi buruk, satu pemberontakan harus dihancurkan (16:1-50); Edom tidak membenarkan

Israel melalui wilayah mereka (20:14-21); Harun mati kerana ketidaktaatannya (20:22-29). Di sisi baik, tongkat Harun bertunas sebagai satu tanda (17:1-13); air secara ajaib keluar dari batu (20:1-13); Allah memberikan penyembuhan dari patukan ular (21:4-9; Yohanes 3:14-15). Allah mungkin telah menghukum umat-Nya, tetapi Dia tidak sekali-kali meninggalkan mereka.

Penentangan Moab, di sebelah timur Laut Mati, dikalahkan apabila nabi Bileam, yang diupah untuk mengutuk mereka mendapati dia hanya boleh memberkati Israel (23:1-24:25). Walau bagaimanapun, godaan untuk melakukan dosa seksual tidak mudah diatasi (25:1-17).

Allah melantik Yosua untuk menggantikan Musa, yang tidak dibenarkan untuk memasuki Kanaan kerana ketidaktaatannya sendiri (27:12-23). Dua suku dibenarkan untuk menduduki sebelah timur Yordan dengan syarat mereka membantu suku-suku lain mengambil tanah mereka terlebih dahulu (32:1-42). Musa membuat catatan perjalanan mereka (33:1-42) dan Allah menentukan sempadan-sempadan tanah (34:1-36:13). Sekarang mereka sudah bersedia untuk ke peringkat terakhir perjalanan.

Penulis

Secara tradisi, kedua-dua orang Yahudi dan Kristian melihat penulisnya adalah Musa. Lihat Kejadian.

Tahun Penulisan

Ditulis sekitar antara 1446 dan 1406 SM, semasa pengembaraan di gurun, walaupun sesetengah sarjana berpendapat penyuntingan kemudian/mungkin telah berlaku. Lihat Kejadian.

GARIS BESAR – BILANGAN

Persediaan untuk Perjalanan ke Tanah Perjanjian

- 1:1-49 Banci penduduk Israel yang pertama
- 1:50-2:34 Organisasi tempat perkhemahan Israel
- 3:1-4:49 Suku Lewi dan tugas-tugas mereka
- 5:1-31 Peraturan untuk penyucian Israel
- 6:1-21 Peraturan untuk orang Nazir
- 6:22-27 Ucapan berkat
- 7:1-8:26 Penyucian Khemah Suci dan orang Lewi
- 9:1-14 Paskah kedua dirayakan
- 9:15-10:10 Maklumat tentang memindahkan perkhemahan Israel mengikut tiang awan kehadiran Allah

Perjalanan Melalui Gurun

- 10:11-36 Israel memulakan perjalanan mereka dari Gunung Sinai
- 11:1-12:16 Rungutan Israel dan jawapan Allah
- 13:1-24 Dua belas orang pengintip ke Kanaan
- 13:25-14:45 Orang Israel tidak mematuhi Allah dan dilarang memasuki Kanaan selama 40 tahun
- 15:1-41 Peraturan tentang korban, dosa dan rumbai pada pakaian
- 16:1-50 Pemberontakan Korah, Datan dan Abiram
- 17:1-13 Pengesahan imamat Harun
- 18:1-19:22 Peraturan tambahan tentang para imam dan penyucian
- 20:1-13 Musa dan Harun mengingkari Allah di Meriba
- 20:14-21 Israel tidak dapat melalui tanah Edom
- 20:22-29 Kematian Harun dan diganti Eleazar
- 21:1-35 Kemenangan dan rungutan orang Israel, ular gangsa
- 22:1-24:25 Nubuat-nubuat Bileam
- 25:1-18 Orang Israel digoda

Persediaan untuk Perjalanan ke Tanah Perjanjian (sekali lagi)

- 26:1-65 Banci kedua Israel
- 27:1-11 Petisyen anak-anak perempuan Zelafehad
- 27:12-23 Allah memilih Yosua untuk menggantikan Musa
- 28:1-30:16 Peraturan tambahan tentang korban dan nazar
- 31:1-54 Orang Israel menewaskan orang Midian
- 32:1-42 Suku Ruben, Gad dan setengah daripada suku Manasye menerima tanah di sebelah timur Yordan
- 33:1-49 Ringkasan perjalanan Israel
- 33:50-35:5 Rancangan-rancangan untuk mewarisi tanah Kanaan
- 35:6-34 Peraturan tentang kota-kota perlindungan
- 36:1-13 Peraturan tentang warisan anak-anak perempuan

Kerajaan Allah

Israel meninggalkan Sinai bukan sebagai sekumpulan hamba abdi yang melarikan diri, tetapi sebagai pasukan tentera bersama Allah di tengah-tengah mereka, yang dilambangkan dengan Khemah Suci di tengah-tengah mereka (2:1-31; 10:11-33). Di sini adalah gambaran kerajaan Allah berkembang, yang akan menembusi semua bahagian umat manusia yang jatuh dan darinya Allah akan mengembangkan kerajaan-Nya ke seluruh dunia. Inti mesej Yesus adalah bahawa kerajaan Allah ada di sini, sedang berkembang dan tidak dapat dihentikan (Matius 4:17, 23; 9:35-38; 13:1-52; 16:18-19; 24:14).

Disiplin Allah

Allah telah mengadakan perjanjian dengan Israel di Sinai, tetapi itu tidak bermakna mereka sekarang boleh berbuat sesuka hati mereka hanya kerana Allah menyertai mereka. Merungut dan memberontak adalah pelanggaran perjanjian dan kurangnya kepercayaan; oleh itu Allah, seperti ayah yang baik (Ibrani 12:5-11), bertindak mendisiplinkan anak-anak-Nya (11:1-10; 12:1-15; 14:35; 16:1-50).

Janji-janji Allah

Ratusan tahun sebelumnya Allah telah menjanjikan Kanaan kepada Abraham (Kejadian 12:1; 15:12-20; 17:1-8). Akhirnya keturunan Abraham sedang dalam perjalanan untuk memiliki janji itu. Akan tetapi, ketidaktaatan dan sikap tidak percaya yang berterusan dapat menyebabkan Allah mengabaikan janji-Nya, kerana mereka gagal menepati bahagian mereka dalam perjanjian – untuk “sungguh-sungguh mematuhi-Ku” (Keluaran 19:5). Tetapi kitab Bilangan menunjukkan kepada kita bahawa Allah tetap setia pada janji-janji-Nya walaupun kita tidak setia. Mereka yang tidak percaya akan dikecualikan daripada memasuki Tanah Perjanjian; tetapi Allah akan memelihara janji-janji-Nya dan menunaikannya melalui anak-anak mereka (14:29-35).

Mukjizat-mukjizat Allah

Seperti dalam Keluaran, terdapat banyak mukjizat dalam Bilangan, kerana ini adalah masa yang sangat penting ketika kuasa Allah perlu dialami. Terdapat mukjizat penyediaan yang signifikan – beberapa di antaranya bersifat supranatural, seperti manna yang misterius (11:4-9), ada yang bertentangan dengan hukum alam, seperti angin meniup burung puyuh ke arah mereka (11:31-32). Allah adalah Tuhan yang berdaulat ke atas kedua-duanya.

Salah satu mukjizat yang sangat pelik adalah keldai Bileam yang boleh berkata-kata (21-35). Sama ada keldai ini berkata-kata secara harfiah (bagaimanapun juga, ada ular yang berkata-kata di Taman Eden. Kejadian 3:1-4), atau hanya dalam fikiran Bileam (bagi ahli sihir di dunia purba yang percaya pada ramalan binatang), ini membawa fakta bahawa Allah bersedia melakukan apa sahaja untuk menyampaikan mesej-Nya kepada manusia.

Berhati-hati dengan Merungut

Rungutan sering terjadi dalam Bilangan (11:1-10; 12:1-15; 14:1-2; 27-45; 16:1-50; 17:1-13) dan setiap kali Allah menghakimi itu. Paulus berkata kepada orang Korintus, “Janganlah kita bersungut”, merujuk kembali kepada kisah-kisah ini (1 Korintus 10:1-11). Lihat juga Ibrani 3:17-19; Yakobus 5:9.

Berhati-hati dengan Hidup di Masa Lalu

Setiap kali menghadapi kesukaran hidup, orang Israel berharap mereka kembali ke Mesir, melupakan bagaimana kehidupan di sana dan menjadikan masa lalu itulah yang ideal (11:4-6; 14:1-4). Memang mudah untuk berfikir bahawa masa lalu lebih baik, tetapi itu jarang terjadi. Lagi pula, Allah tidak mahu kita hidup dalam masa lalu, tetapi Dia ingin kita hidup pada masa sekarang.

Berhati-hati dengan Pemikiran Peraturan Allah Tidak Berlaku Kepada Anda


Tidak ada yang terkecuali daripada mentaati Allah, bahkan para pemimpin (terutama sekali). Baik Harun (20:23-29) dan Musa (Ulangan 34:1-12) belajar hal ini dengan cara yang sukar. Allah tidak bersedia untuk membiarkan mereka menuntut tingkah laku tertentu dari orang lain, tetapi mereka sendiri tidak hidup mengikut itu. Perjanjian Baru menyatakan bahawa para pemimpin akan dihakimi berdasarkan standard yang lebih tinggi (Yakobus 3:1).

Berhati-hati dengan Kecemburuan dalam Pelayanan

Miryam dan Harun menjadi cemburu pada Musa, berasa diri mereka juga sebaik Musa (12:1-3). Walaupun kritikan mereka memiliki beberapa dasar (Musa telah berkahwin dengan seorang wanita Kush), ia sebenarnya cuba menutup kecemburuan mereka terhadap pelayanan kenabian Musa (12:2). Tetapi Allah melihatnya dan menegur mereka (12:4-15). Allah menghendaki para pemimpin yang tidak iri hati terhadap orang lain, tetapi yang melihat mereka saling memerlukan dan bekerjasama (1 Korintus 3:3-7; 12:27-31; Efesus 4:7-13).

Berhati-hati dengan Kebiasaan

Apabila kita telah mengalami suatu pekerjaan Allah dengan cara tertentu, kita cenderung berfikir bahawa pada masa akan datang, Allah akan melakukan perkara yang sama. Inilah yang dilakukan oleh Musa. Dia pernah melihat Allah menyediakan air (Keluaran 17:1-7). Pada masa itu, Allah menyuruhnya *memukul* bukit batu; sudah pasti itulah cara Allah melakukannya lagi. Tetapi kali ini, Allah menyuruhnya *berbicara* kepada bukit batu, bukan memukulnya (20:8). Dengan berbuat seperti yang pernah dilakukannya sebelum ini, Musa telah mengingkari Allah, mungkin kerana dia sudah bosan dengan sikap orang Israel (20:10-11). Tetapi Allah telah menegurnya dan mengatakan bahawa dia sekarang tidak boleh memasuki Tanah Perjanjian.



“Kita harus maju dan menduduki negeri itu, kerana kita pasti dapat mengalahkannya!” Akan tetapi, orang yang pergi bersama-samanya berkata, “Kita tidak dapat...”
(Bilangan 13:30-31)



Daniel

Pengalaman Pahit dan Penglihatan

GAMBARAN KESELURUHAN

Daniel adalah orang buangan di Babel selepas kejatuhan Yerusalem. Dia disukai oleh beberapa orang raja selama hidupnya yang panjang dan terhormat, walaupun dia seorang Yahudi dan walaupun dia enggan berkompromi dengan kepercayaannya. Kadang-kadang, dia dan tiga orang sahabatnya menjalani pengalaman pahit; pada masa lain, dia diberi penglihatan yang dahsyat tentang masa akan datang. Tetapi dalam setiap situasi konflik, kebenaran dan kerajaan Allah muncul dengan penuh kemenangan.

RINGKASAN

Dalam kitab yang sangat sastera ini, dua belas bab itu terbahagi dengan rapi menjadi dua bahagian. Bab 1-6 mengisahkan tentang Daniel dan tiga orang sahabatnya dalam satu siri cerita yang mengesankan. Seumur hidup mereka menghadapi serangkaian pengalaman pahit yang benar-benar menguji iman mereka. Pertama, mereka menolak arahan pemakanan raja kerana sebagai orang Yahudi, mereka mempunyai peraturan pemakanan yang ketat (bab 1). Kemudian, tiga orang sahabat Daniel enggan menyembah patung berhala dan dicampakkan ke dalam dapur api (bab 3). Pengalaman pahit yang terakhir bagi Daniel tiba apabila dia enggan berdoa kepada Raja Darius. Dia dibuang ke dalam gua singa, tetapi sekali lagi diselamatkan (bab 6).

Di antara bab-bab ini, Daniel diuji dengan serangkaian ujian, yang mencabar kemampuannya sebagai orang yang bijaksana. Dalam satu kes, dia benar-benar harus mengungkapkan kandungan mimpi sebelum mentafsirkannya (bab 2). Dalam tafsiran mimpi seterusnya, dia harus meramalkan aib raja pada masa depan (bab 4). Akhir sekali, dia mentafsirkan tanda tentang kejatuhan Raja Belsyazar setelah raja itu menggunakan wadah-wadah suci dari Bait Suci Yerusalem untuk minum (bab 5).

Bab 7-12 lebih bersifat apokrif, mentafsirkan mimpi-mimpi mengenai kerajaan-kerajaan akan datang dan kejatuhan mereka. Di sini, Daniel menjadi pemimpi, di mana dia memerlukan seorang penolong malaikat untuk mentafsirkan. Bahagian kedua sekali lagi terbahagi kepada dua bahagian: tiga bab yang pertama (7-9) adalah tiga penglihatan yang berbeza tetapi cukup umum, tidak berbeza dengan yang ada di bab 2. Bahagian kedua (bab 10-12) adalah satu penglihatan panjang yang lebih terperinci mengenai kerajaan-kerajaan akan datang, sehingga kerajaan Allah masuk.

Kedua-dua bahagian kitab ini menggambarkan bahawa Allah yang menguasai bangsa-bangsa juga adalah Allah yang menjaga dan melindungi individu pada saat memerlukan.

Penulis

Daniel adalah seorang pemuda bangsawan pada awal cerita, yang dilatih dalam semua kebijaksanaan orang Babel. Kebanyakan kebijaksanaan ini berkaitan dengan mimpi-mimpi dan tanda-tanda, serta kebijaksanaan undang-undang dan pentadbiran yang lebih praktikal.

Tahun Penulisan

Terdapat perdebatan besar mengenai Tarikh kitab ini ditulis. Masa pembuangan dari tahun 605-530 SM adalah tarikh tradisional, tetapi sesetengah sarjana berpendapat ia ditulis pada zaman Makabe sekitar tahun 175-160 SM, satu lagi zaman kesengsaraan yang dahsyat bagi orang Yahudi.

GARIS BESAR – DANIEL

Cerita Mengenai Daniel dan Sahabat-sahabatnya

- 1:1-5 Maklumat latar belakang istana Raja Nebukadnezar
- 1:6-21 Daniel dan tiga orang sahabatnya enggan memakan makanan raja dan menjadi ketua-ketua penasihat raja
- 2:1-12 Nebukadnezar menyuruh para orang bijaksana menjelaskan dan mentafsirkan mimpinya
- 2:13-49 Doa Daniel kepada Allah dan pentafsiran mimpi
- 3:1-7 Patung emas Nebukadnezar
- 3:8-30 Sadrakh, Mesakh dan Abednego dilepaskan dari dapur api
- 4:1-18 Nebukadnezar menggambarkan mimpinya yang kedua
- 4:19-27 Tafsiran dan peringatan Daniel kepada raja
- 4:28-37 Raja direndahkan, dan kemudian memuji Allah
- 5:1-5 Jamuan Raja Belsyazar dengan memakai wadah-wadah Bait Suci
- 5:6-29 Tulisan misteri pada dinding dan tafsiran Daniel
- 5:30-31 Belsyazar digulingkan oleh Darius dari Media
- 6:1-15 Kehebatan Daniel dan perintah Raja Darius
- 6:16-28 Allah melindungi Daniel di dalam gua singa

Penglihatan Daniel Mengenai Masa Hadapan

- 7:1-14 Penglihatan Daniel tentang empat binatang dan seorang seperti Anak Manusia
- 7:15-28 Pentafsiran penglihatan Daniel: kemenangan umat Allah
- 8:1-14 Penglihatan Daniel tentang kambing jantan mengalahkan domba jantan
- 8:15-27 Tafsiran tentang penglihatan Daniel: Yunani akan menewaskan Media dan Parsi
- 9:1-19 Daniel berdoa memohon pengampunan bagi dosa Israel dan akhir pembuangan
- 9:20-27 Mesej tentang akhir pembuangan dan Yang Diurapi
- 10:1-11:1 Daniel menerima penglihatan tentang Parsi dan Yunani
- 11:2-35 Tafsirannya: perang antara raja-raja dari negeri selatan dan negeri utara serta penganiayaan umat perjanjian Allah
- 11:36-45 Pemerintahan dan peperangan terakhir bagi raja negeri utara
- 12:1-13 Penglihatan Daniel tentang akhir zaman

Kuasa-kuasa Dunia yang dinubuatkan oleh Daniel



Babel
Daniel 2:32, 36-38; 7:4
607 SM Raja Nebukadnezar memusnahkan Yerusalem



Media & Persia
Daniel 2:32, 39; 7:5
539 SM menakluki Babel
537 SM Kores memerintahkan orang Yahudi kembali ke Yerusalem



Yunani
Daniel 2:32, 39; 7:6
331 SM Alexander Agung menakluki Persia



Roma
Daniel 2:33, 40; 7:7
63 SM Memerintah Israel
70 M Memusnahkan Yerusalem

Sepuluh kuasa di akhir zaman



Pembebasan

Tema pembebasan dilihat melalui dua cara dalam kitab ini. Pertama, terdapat pembebasan fizikal yang sebenar dari dapur api (3:27) dan gua singa (6:20-22). Pembebasan ini sama ajaibnya dengan merentasi Laut Merah semasa Allah menyelamatkan bangsa Israel dari tentera Mesir (9:15; lihat Keluaran 14:14-31). Kehadiran misteri orang keempat dalam dapur api (3:25) menunjukkan penyertaan Allah secara langsung.

Tetapi tema pembebasan juga dapat dilihat dalam bahagian kedua. Daniel melihat suatu masa ketika umat Allah, “orang suci” (7:18), akan dianiaya (7:21; 8:24; 9:26; 11:31-35; 12:7). Tidak kira berapa buruknya penganiayaan, pembebasan dijanjikan (7:22; 8:25; 9:27; 12:1). Kekuatan penulisan apokaliptik adalah memberi harapan kepada umat Allah di kala mereka berada dalam cengkaman musuh yang tampaknya benar-benar kuat. Sesungguhnya, sejarah menunjukkan bahawa tidak ada penganiayaan yang berterusan untuk selamanya: yang zalim dikalahkan dan umat Allah dibebaskan. Istilah “pembebasan” digunakan secara khusus dalam Alkitab dalam hal kejahatan. Pada masa sekarang, kadangkadangkang istilah ini digunakan di mana Alkitab menggunakan istilah pengusiran atau “menghalau” roh-roh iblis (misalnya Matius 7:22).



Pertaubatan untuk Masa Lalu

Pembuangan terjadi sebagai akibat kegagalan Israel mengikuti Allah. Yeremia telah bernubuat tentang pembuangan selama 70 tahun (9:2; lihat Yeremia 25:11; 29:10). Daniel menjelaskan hal ini dalam satu bab yang luar biasa (9:1-19). Walaupun secara peribadi dia tidak berdosa, tetapi dia mengakui dosa-dosa bangsanya pada masa lalu. Nehemia juga melakukan hal yang sama (Nehemia 1), begitu juga dengan Ezra (Nehemia 9), semuanya dalam situasi yang sama. Oleh itu, Daniel menunjukkan kepada kita bahawa kita perlu mengakui dan bertaubat bukan hanya untuk dosa-dosa peribadi kita, tetapi pertaubatan juga mempunyai dimensi bersama juga.

Kerajaan yang Kekal

Salah satu mesej utama penulisan apokaliptik adalah walaupun kerajaan-kerajaan dunia, sama ada Babel, Parsi, Yunani atau pun Roma (mungkin yang digambarkan oleh empat ekor haiwan) mungkin kelihatan sukar untuk dikalahkan, dalam skema besar mereka hanya sementara dan pasti akan gagal. Hanya kerajaan Allah, kerajaan yang terakhir, yang akan kekal untuk selamanya (2:44; 7:14, 27). Ini adalah perspektif sejarah kita sebagai orang percaya. Itu adalah satu kepastian.

Malaikat

Walaupun malaikat disebut di seluruh Alkitab sebagai utusan dari Allah, mereka terlihat dalam konteks yang lebih luas dalam Daniel - sebagai pentafsir dan penyingkap (8:16), dan juga sebagai pejuang (10:13). Semasa percubaan-Nya di gurun, Yesus turut mengakui hal ini (Matius 26:53).

Wadah minum emas tulin pada zaman itu:
Ini adalah artefak Parsi dari Khazanah Oxus

Jangan Berkompromi

Daniel dan tiga orang sahabatnya, Hananya, Misael dan Azarya mendapati mereka kehilangan segala sesuatu ketika berada dalam pembuangan. Bahkan nama mereka juga telah diubah dan digantikan dengan nama-nama orang Babel. Kemudian secara tiba-tiba, mereka diberikan peluang untuk bersinar dalam kebudayaan yang aneh dan agama yang pelik serta penguasa yang zalim. Tetapi tuntutan mereka adalah mereka harus selalu mematuhi peraturan para penakluk, dan bukannya kepercayaan agama mereka sendiri.


Godaan itu pasti luar biasa, tetapi kitab ini menunjukkan dengan jelas bahwa tidak ada godaan untuk berkompromi dengan kepercayaan yang luar biasa. Adalah mungkin godaan dapat ditangkis walaupun dalam kesakitan yang membawa maut, sama ada dari pembakaran, pembunuhan atau binatang buas. Tetapi kitab ini melangkah lebih jauh lagi dalam ceritanya: Allah akan membenarkan mereka yang enggan berkompromi, bukan sahaja dengan menyelamatkan mereka, tetapi juga dengan menghormati mereka dan memberi mereka kemenangan atas musuh-musuh mereka. Pada akhirnya, Daniel hidup sehingga lanjut usia, dihormati dan dihargai. Inilah ganjaran kebijaksanaan yang sejati.

Tetapi Daniel juga enggan berkompromi dalam hal menyampaikan mesejnya. Walaupun kandungannya tidak popular, dia tetap menyampaikannya. Dia berterus-terang kepada Nebukadnezar (4:27) untuk bertaubat, jika tidak dia akan jadi gila. Dia memberitahu Belsyazar bahawa kerajaannya akan dihakimi dan dikalahkan. Sebenarnya Daniel boleh meringankan cara penyampaian mesej, tetapi dia tidak berbuat demikian. Begitulah kewibawaan kebenaran bahawa mesejnya diterima, walaupun tidak dipercayai.

Melayani Tuhan dalam Satu Budaya Asing

Daniel membuktikan bahawa melayani Allah sepenuhnya dapat dilakukan walaupun dalam satu budaya yang asing tanpa menjejaskan kepercayaan dan amalan kita. Daniel terus berdoa menghadap ke Yerusalem hingga dia tua (6:10). Namun dia dihormati dan diberikan kedudukan tinggi oleh sekurang-kurangnya tiga orang raja (2:48; 5:29; 6:28).


Dengan sikapnya yang tidak mahu berkompromi, Daniel terbukti sangat hati-hati dan bijaksana. Dalam 1:12 dia mencadangkan jalan penyelesaian untuk seorang pegawai yang gusar; 2:20 menunjukkan kerendahan hati dan rasa hormat; dalam 4:19 dia cuba meredakan situasi. Allahlah yang membuatkan Daniel disenangi. Tetapi dia masih harus melakukan bahagiannya dengan memperlihatkan sikap prihatin dan jujur.



“Daniel, sekarang aku datang untuk memberikan kepadamu akal budi dan pengertian.”
(Daniel 9:22)

Allah Memberi Kebijaksanaan

Yakobus 1:15 memberitahu kita bahawa Allah akan memberi kita kebijaksanaan jika kita memintanya. Inilah yang ditunjukkan oleh kitab Daniel dalam praktiknya. Misalnya, 2:23 menunjukkan kebijaksanaan yang diberikan pada saat-saat penting. Dalam kes ini, ia adalah melalui wahyu langsung (2:19, 28), tetapi ini bukan satu-satunya cara. Berfikir dan berdoa dengan sabar mengenai sesuatu situasi atau seseorang akan membawa kasih dan simpati yang baru, yang kemudian akan membawa kebijaksanaan yang tersendiri. Mendapatkan nasihat dari orang yang lebih salih atau kurang terlibat dalam situasi kita juga boleh membawa kebijaksanaan.



Hosea

Kekasih Ilahi

GAMBARAN KESELURUHAN

Hosea, yang pertama dari dua belas Nabi-nabi Kecil, adalah seorang nabi terutama kepada kerajaan utara Israel, seperti pendahulunya Amos. Sementara Amos menekankan keadilan dan kebenaran Allah, Hosea memersebabkan Allah sebagai kekasih ilahi. Oleh itu, dosa-dosa Israel dilihat dari segi ketidaksetiaan dan ketidakbenaran; dan dia menggunakan istilah merungut, merayu dan memohon sama banyaknya dengan istilah pengecaman. Yang menakutkan, perkahwinannya sendiri menjadi penerapan mesej yang disampaikan; dimotivasi oleh kasih, Allah akan memulihkan Israel sebagaimana Hosea mengambil semula isterinya yang tidak beriman.

RINGKASAN

Kitab ini terbahagi kepada dua bahagian yang tidak sama panjang. Bahagian pertama (bab 1-3) menceritakan tentang perkahwinan Hosea yang tidak bahagia. Hosea diperintahkan untuk mengahwini seorang wanita, Gomer, yang terbukti tidak setia kepadanya. Dia melahirkan tiga orang anak untuknya, setiap seorang dinamai secara simbolik. Anak lelaki pertama bernama Yizreel, sempena peristiwa yang dicatatkan dalam 2 Raja-Raja 9:13-37, yang membayangkan pelenyapan terakhir dari garis keturunan raja Israel. Anak kedua, seorang perempuan, diberi nama Lo-Ruhama (“tidak dicintai”), menandakan kasih Allah ditarik dari Israel; dan anak ketiga, seorang lelaki, diberi nama Lo-ami (“bukan umat-Ku”), yang bermaksud Israel tidak lagi dianggap sebagai umat Allah. Kemudian, Hosea diperintahkan untuk mengambil Gomer kembali dari pelacuran, tetapi perlu memisahkannya untuk beberapa waktu bagi membuktikan kesetiaannya (bab 1 dan 3). Bab 2 merupakan ringkasan tema dan nubuatan yang disebut dalam bahagian kedua kitab ini.

Bahagian kedua (bab 4-14) terdiri dari serangkaian syair nubuatan untuk Israel dan kadang-kadang Yehuda, kerajaan selatan.

Nubuatan-nubuatan ini menguraikan sifat Israel dan kemungkinan akibat-akibat dari ketidaksetiaan mereka, yang merangkumi penyembahan berhala dan pelbagai pelanggaran moral, sosial dan politik. Dia juga menyatakan janji pengampunan dan pemulihan Allah apabila Israel bertaubat dengan sungguh-sungguh. Menyatakan perihal kegagalan sekarang adalah kisah kesetiaan Allah dalam sejarah.

Penulis

Tidak banyak yang diketahui tentang Hosea. Tidak seperti Amos, dia berasal dari kerajaan utara. Imej yang digunanya benar-benar semula jadi, sedangkan Amos lebih bersifat kota. Ini menunjukkan Hosea mungkin tinggal dan bekerja di ladang. Nubuat-nya kemungkinan besar diberikan selama beberapa tahun.

Tahun Penulisan

Raja-raja yang disebutkan sebagai memerintah di kerajaan selatan Yehuda dalam 1:1 adalah raja-raja yang sama yang disebut dalam kitab Yesaya. Yerobeam II, raja kerajaan utara, yang hidup pada 793-753 SM, juga disebut oleh Amos. Tidak ada rujukan yang dibuat mengenai kejatuhan Samaria, ibu negeri Israel, yang berlaku pada 722 SM. Jadi, kesimpulan umum adalah dia menulis antara tahun 755-725 SM.

GARIS BESAR – HOSEA

Perkahwinan Hosea yang Tidak Bahagia dan Mesejnya

- 1:1 Latar belakang sejarah
- 1:2-3 Hosea mengahwini pelacur Gomer atas perintah Allah
- 1:4-2:1 Kelahiran dan nama-nama tiga orang anak Hosea
- 2:2-13 Penghakiman Allah terhadap Isarel untuk perzinaan dan penyembahan berhala
- 2:14-23 Janji Allah untuk pemulihan
- 3:1-5 Hosea menebus Gomer dari pelacurannya

Mesej-mesej Hosea untuk Umat Allah

- 4:1-19 Keluhan Allah terhadap penyembahan berhala Israel
- 5:1-15 Mesej penghakiman untuk Israel dan para pemimpinnya
- 6:1-7:16 Seruan Hosea untuk bertaubat tidak dipedulikan
- 8:1-9:9 Kehancuran akan datang atas Israel
- 9:10-17 Sejarah dosa dan ketidaksetiaan Israel
- 10:1-15 Kekayaan dosa Israel dan penghakiman Allah
- 11:1-4 Pembebasan Israel oleh Allah di masa lalu
- 11:5-11 Allah merindukan Israel yang tidak setia untuk mengikuti-Nya
- 11:12-12:14 Israel dan Yehuda telah berpaling dari Allah dan menolak para nabi-Nya
- 13:1-16 Allah menawarkan penyelamatan, tetapi Israel menolaknya
- 14:1-9 Janji pemulihan jika Israel bertaubat

TEMA KUNCI – HOSEA

Perzinaan Rohani

Pengalaman perkahwinan Hosea yang dinyatakan pada awal bab 2, menjadi asas kepada mesej-mesejanya. Tema utama dalam mesej-mesej tersebut adalah ketidaksetiaan Israel kepada Allah, yang dilihat dari segi pelanggaran perjanjian (4:1; 5:7; 6:4-7; 9:1,10). Dia berbicara tentang “roh kekufuran” (4:12; 5:4; 6:10). Ini kemudian secara khusus ditakrifkan sebagai penyembahan berhala (8; 9:15; 13:1-2), yang dibantu oleh para imam (4:6-9; 5:1; 10:5) dalam keengganan mereka mendengarkan para nabi (9:7-8; 12:10). Ini membawa kepada kegagalan pertaubatan yang sejati (6:1-3; 8:2,11; 11:5,7), dan sebaliknya mereka mencari pertolongan dari luar jika mereka memerlukan pertolongan dan perlindungan (5:13; 7:11; 8:9; 12:1; 14:3). Hubungan antara penyembahan berhala dengan seksualiti lebih wajar berbanding dengan apa yang kita fikirkan pada hari ini. Pemujaan Baal, yang merupakan penyembahan berhala yang lazim di Israel, pada dasarnya adalah pemujaan kesuburan, dan akan ada pelacur di kuil (4:14)

di mana seorang lelaki dan anak lelakinya boleh meniduri seorang perempuan yang sama. Kerana itu, mereka ditimpa kutuk kemandulan (9:11,14), dan gambaran sukar bersalin (13:13) dan lahirnya anak haram (5:7). Perkataan *Baal* sendiri membawa maksud “tuan” atau “suami”.

Kesetiaan Allah

Seimbang dengan kegagalan Israel adalah senarai respons Allah. Pertama, Allah ingin menebus dan berbelas kasihan (6:11; 7:13; 11:4-9; 14:4f); tetapi jika tidak ada respons kepada-Nya, maka hukuman pasti akan terjadi (5:10-14; 9:7-9; 10:2-15; 13:7-8). Ini mungkin dalam bentuk bencana ekologi (5:7; 8:7; 9:2), kekalahan dalam perang (5:8-9; 11:5-6; 13:16) atau pembuangan (9:17; 10:5-6). Termasuk dalam tema ini adalah serangkaian ulasan mengenai perbuatan setia Allah pada masa lalu (9:10; 10:9; 12:3-10; 13:4-6). Bagi para penulis Perjanjian Lama, sejarah adalah sejarah perjanjian, dan perjanjian didasarkan dengan *hesed*, istilah Ibrani yang bermaksud kesetiaan, berpegang pada janji. Perkahwinan juga merupakan suatu bentuk perjanjian (2:18-

20); oleh itu, sekali lagi, tumpuan analogi perkahwinan dalam tulisan Hosea.

Allah Sebagai Kekasih Ilahi

Tema sebelum ini secara langsung membawa kita melihat Allah sebagai kekasih ilahi. Hosea secara harfiah harus memodelkan Ini dengan terlebih dahulu mengahwini Gomer, kemudian menyelamatkannya, secara harfiah menebusnya kerana dia harus membelinya keluar dari

pelacuran. Allah kemudian dilihat melakukan perkara yang sama: mengahwini Israel dan harus memikat mereka semula untuk keluar dari pelacuran Baal (11:8). Bab 2 agak samar-samar: adakah itu merujuk kepada Hosea dan Gomer, atau Allah dan Israel? Jawapannya adalah keduanya. Tindakan ketidaksetiaan Israel yang lain adalah mereka mempercayai Mesir dan Asyur untuk melindungi mereka, bukannya TUHAN sahaja (8:9, 13; 9:3).

APLIKASI UNTUK HARI INI – HOSEA


Hati Belas Kasihan Allah

Salah satu ciri Hosea yang mencolok adalah pertukaran berterusan antara kemarahan dan kekecewaan Allah terhadap ketidaksetiaan Israel, dan rayuan-Nya agar Israel kembali kepada-Nya. Oleh itu, dalam Bab 2, kita bermula dengan “merayulah supaya ibumu berubah” (2:2) dan “Aku akan mengambil kembali... Aku akan menyingkapkan” (2:9-10). Tetapi dalam 2:14 muncul “Oleh sebab itu, sesungguhnya Aku akan memujuknya” dan “Aku akan menyambut...” (2:21). Di akhir kitab ini terdapat rayuan terakhir (14:1) dan satu janji akhir cinta tanpa syarat (14:4). Janji-janji pemulihan yang sama menutup kitab-kitab nubuatan yang lain (misalnya Amos 9:11-15; Yoel 3:17-21). Firman terakhir TUHAN adalah belas kasihan, pengampunan dan pemulihan.

Ini seharusnya mendorong kita. Dalam tulisan-tulisan profetik, Israel dikenali sebagai bangsa yang keras kepala dan tidak beriman, dan oleh yang demikian, kemarahan ilahi dikenakan sepenuhnya ke atas mereka. Tetapi, kita tidak perlu menjadi seperti itu. Allah berharap, jauh lebih daripada kita, satu hubungan perjanjian yang intim dan penuh kasih. Hati kerinduan Allah menjangkau untuk mengumpulkan kita. Kita cenderung untuk melihat kegagalan kita dengan cara yang tidak seimbang, sama ada besar atau kecil. Dosa tetap adalah dosa bagi Allah, tetapi apa yang penting bagi kita adalah kebesaran kasih-Nya yang penuh belas kasihan.

Kasih Kurnia Murahhan

Di sisi lain, ada juga kemungkinan untuk bertaubat secara dangkal. Inilah yang dilihat Hosea oleh Israel dalam 6:1-3. Allah berkata,



“Berpegang teguhlah pada kasih dan keadilan, dan sentiasa tunggulah Allahu.”
(Hosea 12:6)

“kasih setiamu seperti awan pagi” (6:4). Istilah “kasih kurnia murahhan” disebut oleh seorang ahli teologi Jerman, Dietrich Bonhoeffer bagi menggambarkan sikap seperti ini. Kasih kurnia Allah dalam mengampuni dosa kita dengan bebas diperoleh dengan nilai yang sangat besar, iaitu dengan kematian Anak-Nya yang tunggal, Yesus Kristus. Oleh itu, pertaubatan yang benar adalah untuk menyedari apa sebenarnya yang ditanggung oleh Allah. Ini bukan untuk menghalang kita daripada bertaubat, tetapi menyebabkan kita memaknakan sedalam yang mungkin dan secara serius mengubah apa yang menyebabkan dosa kita.

Gereja Sebagai Pengantin Perempuan Kristus

Walaupun bahasa cinta yang intim mungkin tidak selalu dikaitkan dengan nubuatan Perjanjian Lama, itu adalah bahagian daripada penyingkapan hubungan perjanjian Allah dengan umat-Nya yang memuncak pada gambaran Perjanjian Baru tentang gereja sebagai pengantin perempuan Kristus (Wahyu 21:2, 9; 22:17). Terdapat banyak perumpamaan Kristus tentang jamuan perkahwinan atau pengantin lelaki (Matius 25:1-13; Lukas 5:34-35; Yohanes 3:29). Pada masa ini, sukar untuk melihat gereja masa kini sebagai pengantin perempuan yang suci dan cantik. Kita semua terlalu menyedari bintik-bintik dan noda serta kehodohnya. Tetapi, kita perlu melihat bahawa di sebalik semua cacat cela itu, Kristus mengasihi gereja dan rindu untuk menampilkannya sempurna dan tanpa cela pada hari kedatangan-Nya semula. Kita harus berdoa untuk itu dalam cahaya itu.